



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN
Eighth ^{KELAPAN} *Parliament*

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 9

Hari Rabu

5hb Ogos, 1992

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Tuan Michael Bong Thiam Joon

(Ruangan 1)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru
Memperkenankan Akta-akta
Perutusan daripada Dewan. Rakyat
Urusan Mesyuarat

(Ruangan 1)
(Ruangan 2)
(Ruangan 3)
(Ruangan 4)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 5)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Perbekalan Tambahan
(1991 dan 1992)(No.2)

(Ruangan 43)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 5hb Ogos, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua aenpengerusikan Mesyuarat]

MEHGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEHGALU-ALUKAN AHLI BARD

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi, Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992);
2. Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992;
3. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992;
4. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan (Pindaan), 1992;
5. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan No. 2) 1992;
6. Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992;
7. Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1992;
8. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam (Pindaan), 1992; No. 2);
9. Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1992;
10. Akta Pencen (Pindaan) 1992;
11. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan), 1992.
12. Akta Timbang dan Sukat, (Pindaan) 1992;
13. Akta Akitek (Pindaan), 1992;
14. Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No. 2), 1992; dan
15. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1992;

PERUTUSAN DARIPADA DEWAH RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"4hb. Ogos, 1992.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAH RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan, dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undaag-undang Syarikat (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2); dan
5. Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t .t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang Kedua dan Ketiganya di Mesyuarat ini, iaitu:

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur);
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2);
dan
5. Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTAHANAN

PENUNTUT WANITA DI LONDON - LAPORAN MENUKAR AGAMA

1. **Puan Hajah Rosaah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan benarkan terdapat lebih dari 41 orang penuntut wanita di London telah hilang taraf sebagai seorang Islam kerana telah berkahwin dengan laki-laki yang bukan beragama Islam dan sanggup mengikuti agama suami mereka. Apakah tindakan kementerian dalam hal ini.

61. **Tuan Saad bin Haji Man** miata Menteri Pendidikan menyatakan apakah benar terdapat dakwaan yang menyatakan terdapat penuntut Malaysia di Luar Negeri yang telah menukar agama mereka dan apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah dan tindakan yang perlu bagi mengawasi aktiviti pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri supaya perkara-perkara seperti di atas tidak berlaku.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Oon]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang hampir sama pada hari ini maka saya memohon supaya soalan ini dijawab serentak. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah:

(i) Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh; dan

(ii) Yang Berhormat Tuan Saad bin Man.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri, Kementerian Pendidikan telah membuat siasatan yang rapi berkaitan dengan laporan mengenai pelajar-pelajar wanita Melayu yang menukar agama.

Sehingga masa ini, hasil daripada siasatan itu didapati tidak ada maklumat yang mengesahkan adanya mana-mana pelajar Melayu Malaysia yang menukar agama Islam kepada agama-agama lain.

Buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang membuat sebarang pindaan perakuan berkaitan dengan penghantaran pelajar ke luar negeri kerana peruntukan yang sedia ada telah menetapkan syarat-syarat yang ketat, antaranya pelajar-pelajar tujaan Kerajaan tidak dibenarkan berkahwin melainkan mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu semasa di dalam pengajian sama ada di dalam atau luar negeri. Syarat-syarat tersebut telah dimasukkan ke dalam Surat Perjanjian Biasiswa pelajar berkenaan.

Walau bagaimanapun, untuk mengalakkan perkara ini berlaku, kementerian Pendidikan bercadang untuk mempertingkatkan kursus-kursus bimbingan agama dan menyediakan buku-buku panduan agama bagi pelajar-pelajar yang akan bertolak ke luar negeri dan juga bagi yang sedia berada di dalam negeri. Program orientasi bagi pelajar-pelajar yang akan bertolak ke luar negeri juga akan dipertingkatkan.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR - STANDARD PENGAWALAN

2. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah tafsiran pencemaran berhubung dengan:
 - (i) udara;
 - (ii) air;
 - (iii) bunyi; dan
 - (iv) lain-lain jenis pencemaran; dan
- (b) apakah "standard" yang digunakan. Apakah "standard" tersebut munasabah dari segi mengimbangi matlamat pembangunan negara dan matlamat alam sekitar yang selamat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chia Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tafsiran pencemaran yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah pencemaran alam sekitar dan tafsirannya ialah satu keadaan di mana berlaku penambahan satu atau lebih bahan pencemar seperti benda asing, udara, affluen, bunyi bising, bahan-bahan buangan dan sebagainya kepada alam sekeliling di tahap yang boleh memberi kesan buruk kepada manusia dan lain-lain hidupan serta alam sekeliling. Tafsiran terperinci mengenai pencemaran ini adalah seperti di Seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1976.
- (b) Standard yang digunakan untuk mengawal pencemaran adalah standard pelepasan pencemaran ke udara dan ke air yang dibuat di dalam beberapa peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan sepenuhnya standard-standard tersebut kerana terlalu panjang. Pemakaian standard tersebut adalah berdasarkan kesesuaiannya dengan keadaan setempat dan keupayaan tekno ekonomi. Oleh itu, standard tersebut munasabah dari segi mengimbangi matlamat pembangunan negara dan matlamat alam sekitar yang sihat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan iaitu mengenai 2(b), mengenai standard. Sungguhpun diberi jawapan tadi, tetapi saya difahamkan bahawa standard ini adalah bukan standard yang digubal di negara kita. Sebenarnya standard yang kita gunakan ini adalah standard daripada negara asing. Saya difahamkan kebanyakan standard ini adalah daripada Eropah ataupun negeri-negeri membangun. Jadi, oleh sebab dijawab tadi yang munasabah itu rasa saya kalau kita bandingkan Eropah dengan Malaysia, memang tidak dapat kita samakan. Jadi, apakah sebenarnya standard yang kita gunakan, adakah standard kita sendiri ataupun yang kita pinjam, itu soalnya?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sebenarnya standard ini memang digubal apabila kita menggunakan standard-standard, sebagai contoh standard daripada Eropah, standard di Jepun dan sebagainya, tetapi kita tidak menggunakan standard dari Eropah itu serta-merta atau keseluruhannya, tetapi kita gunakan caranya untuk menetapkan apa itu standard yang kita hendak menggunakan seperti standard contoh dari segi standard BOD di dalam air di sungai atau seumpamanya. Ini memang kita menggariskan sama ada sungai tersebut digunakan untuk sesuatu kegunaan, iaitu sesuatu maksud seperti kalau sungai itu digunakan untuk air minuman atau tadahan air, maka standard tersebut adalah tinggi dan jikalau sungai itu untuk kegunaan transport, pengangkutan dan sebagainya, maka standard itu rendah dari segi BOD itu, yakni standardnya adalah berlainan dari satu tempat ke satu tempat.

FELCRA - MENGATASI PUNCA KEMISKINAN PESERTA

3. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah peratusan peserta, rancangan FELCRA yang hidup di bawah paras kemiskinan;
- (b) sudahkah Kementerian mengenalpasti apakah sebenar kemiskinan tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut, dan
- (c) apakah benar dakwaan yang menyatakan punca kemiskinan peserta FELCRA disebabkan oleh pengurusan ladang yang kurang cekap.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari data-data yang terkumpul, purata pendapatan peserta bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh FELCRA adalah dalam lingkungan \$458 setiap peserta/keluarga sebulan. Ini bermakna mereka adalah melepasi garisan miskin.
- (b) Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap golongan miskin, begitu juga dengan peserta-peserta FELCRA. Penyatuan, pemulihan adalah di antara tugas-tugas yang termaktub dalam Akta FELCRA di mana saiz tanah yang tidak ekonomik adalah salah satu punca kemiskinan yang telah dikenalpasti dan inilah yang dijalankan oleh FELCRA.
- (c) Dakwaan itu tidak benar.

MUZIUM GETAH ASLI/TIMAH/KRAFTANGAN/PERHUTAHAN - PENUBUHAN

4. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bolehkah pihak Kementerian ini mengkaji dan membina kompleks muzium getah asli dan timah negara oleh kerana dua bahan ini hasil negara yang tertua sekali semenjak lebih seratus tahun yang lalu. Muzium ini akan menjadi tarikan pelancong dan juga pengetahuan untuk generasi muda di negara kita ini;
- (b) seterusnya hendaklah mengkaji untuk membina muzium-muzium membalak, kelapa sawit, tenunan dan membatik dan juga kraftangan tembaga dengan latar belakangnya yang membanggakan negara Malaysia.

35. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah cadangan pihak Kementerian ini ataupun lain-lain Kementerian hendak menubuhkan sebuah "institut Tamadun Melayu" atau diwujudkan "muzium etnologi" (Etnogrofi) dunia Melayu yang boleh melahirkan sebuah majlis antarabangsa tamadun Melayu.

Setiausaha Parlimea Kementeriaa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini dengan soalan 35 pada hari ini yang ditanya oleh Yang Berhormat yang sama kerana dilihat dari segi pertanyaannya adalah hampir-hampir sama sahaja kandungannya.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan agensi-agensinya menubuhkan muzium—muzium khas dengan kerjasama teknikal dari Jabatan Muzium Negara. Pada masa ini Muzium Getah Asli telahpun ditubuhkan oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia yang terletak di Sungai Buloh yang telah dirasmikan pada 11hb Februari 1992 yang baru lalu. Manakala Muzium Timah pula telah wujud iaitu terletak di Gedong Raja Abdullah, Kelang. Muzium Kraftangan telah juga wujud dan dikendalikan oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia dan terletak di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Muzium Perhutanan pula terdapat di Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kepong dan satu lagi di Muzium Perhutanan di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah juga meluluskan penubuhan sebuah muzium khas yang diberi nama Muzium Etnologi Dunia Melayu yang akan dilaksanakan di dalam Rancangan. Malaysia Keenam ini. Pada masa ini Kementerian sedang mencari tapak yang sesuai di ibu kota di mana muzium ini akan ditempatkan. Muzium ini akan berperanan sebagai institusi yang mempamerkan warisan sejarah dan budaya dunia Melayu selain daripada memainkan peranannya sebagai institusi yang menekankan kepada bidang-bidang penyelidikan dan pendokumentasian warisan sejarah dan kebudayaan dunia Melayu.

PEKERJA ASING TANPA IZIN SYARAT-SYARAT

5. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah syarat-syarat dan peraturan yang telah dikenakan oleh Kerajaan kepada pekerja-pekerja asing yang telah mendaftar di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab soalan ini kerana ianya jatuh dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, semua pekerja asing tanpa lain ataupun PATI yang telah mendattar di Jabatan Imigresen Malaysia dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut bagi melayakkan pas kerja dikeluarkan kepada mereka:

- (a) merapunyai dokumen perjalanan yang sah;
- (b) membayar levi; dan
- (c) membuat pemeriksaan kesihatan.

Setelah pas kerja dikeluarkan, PATI dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam pas, antaranya:

- (i) tidak boleh bertukar majikan ataupun tempat kerja dan
- (ii) mematuhi undang-undang dan peraturan negara Malaysia.

Puan Hajah Zaleba binti Hussin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam kemasukan pekerja-pekerja asing ini ke negara kita, aaya difahamkan ada juga di antara mereka yang terlibat dengan perlakuan jenayah dan juga yang mengidapi HIV. Apakah benar?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah benar bahawa di antara PATI-PATI yang telah masuk ke negara kita didapati segelintir daripada mereka itu terlibat dalam jenayah. Walau bagaimanapun, bilangan yang terlibat dalam jenayah itu adalah dalam kawalan dan tidak membimbangkan. Terdapat juga di antara mereka itu yang mengidapi penyakit berjangkit dan perkara ini telahpun di dalam perhatian Kementerian Kesihatan.

Datuk Baji Ahmad bin Baji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, pendatang tanpa izin ini ada 3 daripada 10 membawa pelacuran, tetapi Timbalan Menteri Kesihatan menjawab pula tidak ada, hanya segelintir. Mana Timbalan Menteri yang betul?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh rujuk kepada Kementerian yang lain.

PELABURAN ASING - JUMLAH

6. **Dato' Tan Gim Hwa** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) jumlah pelaburan asing dalam negara ini dari bulan Januari hingga Jun tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu, Apakah faktor-faktor yang menyebabkan penambahan atau pengurangan pelaburan asing ini;
- (b) apakah jenis-jenis industri asing yang telah ditubuhkan oleh pelabur-pelabur asing dalam tempoh masa yang sama;
- (c) pecahan jumlah pelaburan asing ini mengikut negeri serta jenis dan bilangan industri mengikut negeri dalam tempoh dari bulan Januari hingga Jun tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu; dan
- (d) apakah faktor-faktor yang menyebabkan penambahan atau pengurangan pelaburan asing di negeri-negeri yang disebutkan di atas.

Setlusaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramanian]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh Januari-Jun 1992, sebanyak 278 permohonan telah diterima bagi penubuhan projek-projek perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975. Ini melibatkan jumlah cadangan modal sebanyak \$9,525 juta di mana pelaburan asing ialah sebanyak \$6,218 juta berbanding dengan sebanyak 297 permohonan yang melibatkan cadangan modal pelaburan sebanyak \$7,125 juta di mana pelaburan asing ialah \$3,268 juta bagi tempoh masa yang sama tahun lalu. Walaupun bilangan permohonan telah turun sebanyak 6%, jumlah nilai pelaburan asing yang dicadangkan telah meningkat sebanyak 90%. Ini bermakna permohonan yang diterima bagi setengah tahun 1992 adalah lebih berintensif modal berbanding dengan jangka masa yang sama tahun 1991. Ini menunjukkan bahawa minat pelabur untuk melabur di Malaysia tidak berkurangan. Bagi tempoh Januari-Jun 1992, sebanyak 304 projek perkilangan telahpun diluluskan yang melibatkan jumlah modal pelaburan sebanyak \$11,039 juta di mana pelaburan asing adalah sebanyak \$8,972 juta berbanding dengan 456 projek dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$20,131 juta di mana pelaburan asing adalah sebanyak \$11,588 juta bagi tempoh masa yang sama tahun lalu, Daripada projek-projek yang diluluskan bagi tempoh masa yang sama, didapati dalam setengah tahun pertama 1992, 78 projek atau 25%, adalah projek pelaburan semula berbanding dengan 48 projek atau 102, bagi jangka masa yang sama 1991.

Perubahan dalam aliran pelaburan asing di mana-mana negara pun termasuk Malaysia bergantung kepada ekonomi dunia secara amnya dan keadaan ekonomi di negara-negara pengeksport modal secara khasnya. Oleh yang demikian, jika ada kemerosotan ekonomi di negara-negara ini tidaklah hairan jika pelaburan dari negara-negara tersebut menurun. Ini tidak dapat dielakkan, kita yakin bila ekonomi negara-negara pengeksport modal bertambah baik, pelaburan akan meningkat semula di negara kita.

- (b) Kebanyakan dari permohonan yang diterima dengan penyertaan pelaburan asing adalah dalam industri petroleum, barang-barang logam asas, kertas, percetakan dan penerbitan dan kayu dan barang-barang kayu. Bagi projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan asing kebanyakan dari pelaburan adalah di dalam industri petroleum, kimia dan barang kimia, barang-barang elektrik dan elektronik dan pengilangan jentera.
- (c) Berhubung dengan pecahan terperinci mengikut industri, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi jawapan bertulis kerana data-data yang diminta adalah terlalu detail, dengan izin, dan akan memakan masa yang panjang untuk menyatakan satu persatu.

- (d) Perubahan dalam pengaliran pelaburan asing mengikut negeri adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti:-
- (i) kekurangan tenaga kerja dan tanah perindustrian di negeri-negeri yang menjadi tumpuan pelabur masa ini serta tekanan ke atas infrastruktur dan kemudahan sokongan yang lain;
 - (ii) peningkatan taraf infrastruktur di kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur di masa-masa lalu; dan
 - (iii) kemudahan dan insentif yang menarik yang ditawarkan- oleh negeri-negeri berkaitan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kebanyakan ataupun semua syarikat-syarikat pelabur asing ini tidak disenaraikan di Bursa Saham seperti kebanyakan syarikat-syarikat besar tempatan di mana kita boleh dapat faedah. Jadi saya ingin tahu mengapakah pihak Kementerian tidak mengusahakan supaya syarikat-syarikat pelabur asing ini disenaraikan di Bursa Saham supaya kita masing-masing boleh mendapat faedah daripada keuntungan syarikat-syarikat tersebut. Sekian.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu negara yang mengamalkan sistem ekonomi yang terbuka, kita tidak boleh paksa sesiapa untuk mengadakan supaya syarikat-syarikat disenaraikan di dalam Bursa Saham di negara kita. Ini terletak kepada keupayaan dan juga kebolehan mereka untuk bekerjasama dengan pihak-pihak dalam negeri untuk menjadi satu syarikat yang boleh didaftarkan di dalam Bursa Saham di negara kita.

KOD ETIKA RAJA-RAJA

7. Tuan Haji Azman Atar bin Othman meminta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah penerimaan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan terhadap Kod Etika Raja-Raja. Apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan selanjutnya untuk melihat keseragaman dan kepaduan dalam penerimaan dan pelaksanaan Kod Etika Raja-Raja yang berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-pertua, Kod Etika Raja-Raja sekarang dikenal dengan nama Pengisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan dan butir-butir Pengisytiharan tersebut telahpun disiarkan melalui media massa sepenuhnya. Sebilangan besar Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja telah menerima Pengisytiharan itu dan yang lain memerlukan lebih masa untuk menimbangkannya.

Kerajaan akan sentiasa bekerjasama dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Pengisytiharan ini akan menjadi panduan ke arah usaha bekerjasama yang lebih erat dan persefahaman yang lebih bermakna. Dengan itu, Kerajaan berpuas hati dengan penerimaan ke atas Pengisytiharan tersebut oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya sangkakan soalan saya ini dijawab oleh Perdana Menteri sendiri, tetapi saya ucapkan terima

kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab bagi pihak Perdana Menteri. Pertama, saya ingin tahu apa bermulanya Kod Etika Raja-Raja ini kita wujudkan?

Yang kedua, apabila Kod Etika Raja-Raja ini setelah pihak Raja-Raja memahami, tidakkah kita terfikir bahawa tugas dan tanggungjawab mungkin tidak akan dapat kita sempurnakan selagi kod etika kepada Menteri Besar, Exco-exco dan Menteri-menteri yang berkenaan kalau dia masih lagi takut dengan Raja, masih lagi menghormati, umpamanya kalau ada satu permohonan, saya beri concoh, ada satu permohonan untuk hendakkan tanah; ada anak Raja minta dan orang biasa pun minta, maka jawapannya, ada Menteri Besar dan Exco mengatakan, ini kita kena beri, ini Raja yang minta. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah Kod Etika Raja-Raja ini kita wujudkan, adakah ekoran daripada itu kod etika kepada Menteri Besar dan Exco kita perlu wujudkan supaya ianya selaras dan memberikan kefahaman kepada semua lapisan rakyat dalam Malaysia ini supaya tahu tanggungjawab masing-masing.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, latar belakang kepada timbulnya yang dipanggil Pengisytiharan Prinsip Perlembagaan itu apabila ada kesamaran dan kekeliruan tentang fungsi masing-masing.

Bagi soalan yang kedua yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar, ialah apabila timbul kesamaran mungkin boleh dibiancang untuk pengisytiharan itu.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar ada terdapat di kalangan Raja-Raja yang tidak mahu terima Kod Etika ini?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada kenyataan yang ada di antara Duli Yang Maha Mulia yang menolak. Setakat yang diketahui ialah Duli Yang Maha Mulia yang berkenaan memerlukan masa untuk mempertimbangkan pengisytiharan itu.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja, sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab memerlukan masa untuk dipertimbangkan. Kalau 10 tahun dia ambil masa macam mana atau 20 tahun? Adakah dihadkan masa itu, macam kita membuat undang-undang ini. Kalau sekiranya Yang di-Pertuan Agong tak sign dalam masa dua minggu, maka digazett jadi undang-undang. Adakah had masanya itu? Kalau sedikit masa untuk dipertimbangkan, saya rasa sampai kucing bertanduk pun boleh kita ambilkira.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang difahami had masa itu ialah had yang munasabah.

[Ketawa]

LAWATAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI OLEH WAKIL NEGERI MELAKA

8. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abduliah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, Kementerian ini telah banyak mengadakan lawatan perdagangan di luar negeri, adakah lawatan perdagangan itu disertai oleh wakil Kerajaan Negeri Melaka:

- (a) jika ada, apakah kesan atau faedah yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Melaka; dan
- (b) berapa ramai pelabur yang menunjukkan minat ingin membuat pelaburan dalam negeri Melaka hasil daripada lawatan perdagangan itu.

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menganjurkan rombongan-rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Luar negeri pada setiap tahun dan semua Kerajaan Negeri dijemput dan digalakkan untuk menyertainya. Dalam tahun 1991, Kementerian telah menganjurkan rombongan-rombongan galakan perdagangan dan palaburan ke Finland, Jerman, Itali, Perancis, Republik Korea dan Hong Kong. Sehingga bulan Julai tahun ini, rombongan-rombongan galakan perdagangan dan pelaburan telah dibuat ke Jepun, Taiwan, Australia, New Zealand, Hong Kong, Republik Korea, Amerika Syarikat dan Kanada.

Tujuan utama rombongan-rombongan sedemikian ialah bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia secara keseluruhannya. Keputusan pelabur-pelabur asing melabur di negara ini adalah berdasarkan kepercayaan mereka terhadap suasana dan iklim negara yang membolehkan pelaburan mereka bermanfaat. Dalam hal ini, penyertaan wakil Kerajaan-kerajaan Negeri dalam rombongan tersebut memberi peluang kepada mereka menjelaskan secara lebih terperinci keistimewaan-keistimewaan yang terdapat di negeri masing-masing.

Kerajaan Negeri Melaka telah menghantar wakil menyertai di dalam rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Hong Kong dalam tahun 1991, dan YAB Ketua Menteri Melaka sendiri telah mengetuai kumpulan pegawai dari Melaka yang menyertai rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Amerika Syarikat dan Kanada dalam bulan Mei-Jun tahun ini. Dalam tahun 1989 wakil-wakil Kerajaan Negeri

Melaka telah turut serta dalam rombongan-rombongan ke Taiwan, Australia, Korea dan Hong Kong.

Dalam keadaan di mana ada persaingan untuk menarik minat pelaburan asing, kemasukan pelaburan asing ke negara ini adalah hasil daripada galakan-galakan yang diberi, dan usaha-usaha kita melalui rombongan-rombongan galakan. Dalam tahun 1991, sebanyak 765 projek dengan nilai pelaburan asing sebanyak \$15,956 juta iaitu 51% dari jumlah nilai pelaburan keseluruhannya telah diluluskan. Untuk 5 bulan pertama tahun ini, 252 projek dengan nilai pelaburan asing sebanyak \$8,549 juta telah diluluskan.

Bagi negeri Melaka, dalam tahun 1991 sebanyak 34 projek pelaburan dengan pelaburan asing bernilai sebanyak \$4,321 juta telah diluluskan berbanding dengan 28 projek dengan pelaburan asing bernilai \$372,000 juta dalam tahun 1991. Sehingga bulan Mei 1992, sebanyak 9 projek dengan pelaburan asing bernilai \$9 juta telah diluluskan. Di antara bidang-bidang pelaburan termasuklah petroleum, elektronik, tekstil dan barangan logam.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan Pusat akan terus menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri menghantarkan rombongan-rombongan dagang ke luar negeri?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan oleh Menteri kita inilah dasar Kementerian untuk menggalakkan rombongan-rombongan perdagangan daripada negeri-negeri untuk melawat negeri-negeri asing untuk menarik pelaburan dan juga perindustrian kepada negeri masing-masing. Saya rasa inilah satu inisiatif yang harus diambil oleh negeri-negeri berkenaan.

TANKER MEMBAWA BAHAN MUDAH MELETUP BERLABUH
DI PELABUHAN KLANG - KESELAMATAN

9. **Tuan Haji Zainal bin Md. Daros** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian akan mengambil tindakan untuk memindahkan "tanker-tanker" yang membawa bahan-bahan yang mudah meletup supaya dipindahkan ke pulau-pulau yang berdekatan dengan Port Klang. Jika tidak, adakah Menteriannya dapat meyakinkan penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran Pelabuhan Klang dijamin keselamatan mereka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan. Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sedar tentang keadaan bahaya di Pelabuhan Klang apabila "tanker-tanker" berlabuh di pelabuhan tersebut. Walau bagaimanapun, perlulah ditegaskan di sini bahawa dengan amalan-amalan keselamatan yang baik dan tinggi, kadar bahaya boleh dikawal dan dikurangkan. Beberapa langkah senentara telah diambil bagi meningkatkan lagi keselamatan setelah letupan yang berlaku di atas kapal Choon Hong III. Antara lain, langkah-langkah tersebut adalah:-

- (i) memerlukan supaya agen perkapalan membuat pengisytiharan awal 48 jam sebelum tarikh/masa ketibaan kapal mengenai jenis kargo merbahaya supaya langkah-langkah keselamatan dapat diambil lebih awal lagi;
- (ii) pasukan bomba pelabuhan diletakkan dalam keadaan "standby" di dermaga berkenaan;
- (iii) memperketatkan lagi pelaksanaan peraturan-peraturan dan prosedur pengendalian kargo merbahaya.

Kementerian Pengangkutan juga sedang melaksanakan projek pelabuhan baru di Pulau Lumut, Semua pengendalian kargo merbahaya akan dipindah kepada kemudahan baru di Pulau Lumut pada tahun 1994. Pihak-pihak berkenaan di Pelabuhan Klang telahpun diberi notis pemindahan. Saya yakin bahawa pihak agensi-agensi berkenaan akan lebih berwaspada supaya letupan seperti Choon Hong III tidak akan berlaku lagi.

KURSUS INSTITUT PERIKANAN MALAYSIA - KELAYAKAN PADA PELATIH

10. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah taraf akademik para pelatih yang akan diterima masuk ke kursus Institut Latihan Perikanan Malaysia yang berpusat di Pelabuhan Perikanan Cendering Kuala Terengganu. Dan bilakah kursus tersebut akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, para pelatih yang layak diterima masuk ke kursus Institut Latihan Perikanan Malaysia, Chendering, Kuala Terengganu tidak perlu ada apa-apa taraf akademik tertentu. Mereka cuma perlu mempunyai kelayakan-kelayakan berikut:

- (i) pengalaman sebagai nelayan sekurang-kurangnya dua tahun.
- (ii) berumur dalam lingkungan 18 tahun hingga kurang dari .60 tahun pada masa membuat permohonan.
- (iii) sihat tubuh badan.
- (iv) boleh membaca dan menulis.

Kursus-kursus di Institut Latihan Perikanan Malaysia, Chendering telahpun bermula pada 15hb Julai, 1992.

AIDS - LANGKAH KAWALAN

11. **Puan Law Jack Toon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) apakah faktor-faktor yang menyebabkan Malaysia berada di peringkat pertengahan (visible stage) wabak penyakit AIDS; dan
 - (b) usaha-usaha yang berkesan yang dijalankan oleh Kerajaan supaya negara kita tidak menghadapi masalah kian bertambah oleh kerana menjangkau peringkat pertengahan wabak AIDS.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes AIDS yang semakin ketara pada masa ini telah diduga. Ini adalah oleh kerana mereka yang dijangkiti kuraan AIDS dan kelihatan normal sebelum program pencegahan wujud telah menjadi kes AIDS dalam jangka masa 2 hingga 10 tahun. Selain daripada itu, kesedaran orang ramai dan pengesanan aktif kakitangan perubatan dan kesihatan telah menghasilkan peningkatan kes-kes AIDS yang dikesan.

Sehingga sekarang belum ada ubat yang boleh menyembuh ataupun vaksin untuk mencegah jangkitan AIDS. Atas hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang berikut, seiring dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal penyakit merbahaya ini termasuklah memberi pendidikan kesihatan kepada golongan tertentu dan orang ramai; memastikan keselamatan darah dan hasilan darah adalah selamat digunakan, membuat "surveillance" ke atas kes dan perabawa HIV; melatih kakitangan di dalam bidang rawatan dan kaunseling; pengawalan melalui peruntukan perundangan; kerjasama di antara Kementerian dan badan bukan Kerajaan dan agensi antarabangsa; dan baru-baru ini, pada 1hb Julai. Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai AIDS telah ditubuhkan.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, salah satu langkah keselamatan yang diambil untuk mencegah penyakit AIDS semasa persetubuhan adalah menggunakan kondom. Jadi setakat mana keselamatan dari kondom dijamin untuk kedua-dua orang yang terlibat, yang mana seorang adalah membawa kuman HIV tetapi mereka berdua menggunakan kondom? [Ketawa]

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa soalan itu, [Ketawa] tetapi Kerajaan tidak menggalakkan menggunakan kondom ini adalah sebagai satu nasihat sahaja.

Puan Law Jack Yoon: Dari dua orang terlibat sekiranya seorang sahaja yang ada kuman AIDS dan dia menggunakan kondom, tetapi kalau kedua-dua menggunakan kondom, adakah ini selamat?

Dato K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: [Kepada Puan Lav Jack Yoon] Yang Berhormat, nampaknya dia hendak minta notis untuk menjawab soalan itu.

BERITA NASIONAL DI RTM DAN TV3 - MASA SIARAN

12. **Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian ini berhasrat untuk mengubah masa siaran Berita Nasional di RTM dan TV3 daripada jam 8.00 malam kepada masa yang sesuai berikutan dengan rungutan orang ramai kerana semasa siaran berita itu kebanyakan umat Islam masih berada di masjid dan surau bersembahyang dari Maghrib hingga waktu Isyak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak ada cadangan untuk mengubah siaran Perdana pukul 8.00 malam, kerana mengikut kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini, ianya merupakan masa yang paling sesuai.

Selain daripada Berita Perdana, Tuan Yang di-Pertua, Berita-berita yang disiarkan pada pukul 6.00 petang melalui Televisyen 1, Berita-berita Radio 1, 3, 4, 5, 6, Suara Malaysia, Berita Orang Asli, Ulasan Berita dan rancangan-rancangan seperti Sorotan, Isu-isu Dunia Hari ini, Wawancara dan Pendapat Rakyat adalah memadai untuk membantu keperluan memperluaskan lagi penyampaian maklumat atau berita kepada rakyat negara ini.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Kerajaan menentukan bahawa siaran Berita pukul 8.00 malam itu sesuai atau tidak sesuai dan sebagainya. Agak saya benar atau tidak, agak saya ini betul ataupun tidak, mereka ini membuat keputusan melalui kajian daripada Jabatannya sendiri dan mereka tidak pergi ke kampung-kampung hendak bertanya dan sebagainya. Oleh itu apa yang disebut oleh Kerajaan bahawa ia telah membuat kajian dan bahawa itulah waktu yang sesuai, pada saya, adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalnya?

Dato' Azumu bin Tak: Cara dia membuat kajian itu bagaimana?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kita

rnempunyai Kerajaan yang dinamakan Kerajaan Barisan Nasional dan segala yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah berbohong.

Berkaitan dengan cara yang dijalankan untuk menjalankan kajian, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tidak perlu bertanya ke kampung, kita ada buat survey sama ada Kementerian sendiri ataupun pihak swasta melalui SRM ataupun syarikat-syarikat lain. seperti Frank Small dan mengikut survey ini, the peak viewing hours, dengan izin, adalah pada jam antara lebih kurang 8.00 sampai 8.30 malam. Ini bererti bahawa pada ketika itu penonton televisyen adalah pada tahap yang maksimum, yang tertinggi dan oleh kerana Kerajaan merasakan penyampaian maklumat yang tepat dan terkini kepada masyarakat umum, khususnya kepada rakyat Malaysia ini perlu dibuat dengan cara seluas-luasnya. Maka kita telah mengambil langkah untuk memilih jam 8.00-8.30 malam, kerana itulah masanya rakyat di Malaysia ini yang paling ramai menonton televisyen supaya maklumat-maklumat yang tepat dan terkini yang disampaikan oleh Kerajaan akan sampai kepada rakyat dengan seluas-luasnya.

PASUKAN TENTERA KE KAMPUCHEA - LATIHAN BAHASA

13. **Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bln Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pasukan tentera yang ditugaskan di Kampuchea itu diberi latihan bahasa tempatan sebelum dihantar bertugas di sana. Sekiranya tidak, adakah baiknya

dilengkapkan sekarang kepada pasukan yang akan digantikan nanti.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamcd]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan telah diberi jangka masa sebulan untuk menyediakan Kontinjen dalam penugasan di Kampuchea. Dalam jangka masa tersebut, Kontinjen telah diberi pendedahan berkaitan dengan negara Kampuchea. Selain daripada mempelajari asas bahasa Khemer, mereka telah juga diberi pendedahan berkenaan dengan:

- (a) sejarah dan pergolakan di Kampuchea;
- (b) kebudayaan dan adat resam tempatan; dan
- (c) kemusykilan dan bahaya yang bakal dihadapi oleh penugas.

Kementerian Pertahanan telah memperolehi bantuan dua orang terapan dari Ulu Tiram, Johor yang berasal daripada Kampuchea dalam urusan tersebut, Semasa dalam penugasan di Kampuchea, Kontinjen juga ditumpangkan jurubahasa bahasa Khemer oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tujuan perhubungan dengan wakil-wakil tempatan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar tugas tentera kita di Kampuchea itu terhad kepada 6 bulan dan bukan 9 ataupun 12 bulan sepertimana tentera kita yang telah berkhidmat di Congo? Maksud saya ialah kalau lagi lama sedikit setakat mana yang boleh, bererti tentera kita boleh memberi peranan dengan lebih bermakna lagi.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bergantung kepada permohonan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana penugasan anggota kita di sana adalah atas kehendak dan juga permintaan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PINJAMAN KEWANGAN KERAJAAN KELANTAN

14. Tuan Haji Shuib bin Shawal minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan Kelantan telahpun menjelaskan hutang-hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat atau lain-lain institusi kewangan serta menyenaraikan kadar pinjaman dan bayaran balik yang telah dijelaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat., Kerajaan Negeri Kelantan hanya berhutang dengan Kerajaan Persekutuan. Sehingga 31hb Julai 1992 Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak \$756.5 juta Daripada jumlah ini sebanyak \$658.7 juta telahpun dikeluarkan.

Mengikut rekod di Kementerian Kewangan dan setelah mengambil kira faedah yang telah dipokokkan serta bayaran balik yang telah dibuat, jumlah hutang Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$810.6 juta pada akhir bulan Julai tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbandingan jumlah yang perlu dibayar balik oleh Kerajaan Kelantan serta bayaran sebenar adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perlu Dibayar Balik	Yang Dibayar Sebenarnya
1989	\$48.6 juta	\$6.5 jutia
1990	\$52.8 juta	\$2.6 juta-
1991	\$54.2 juta	\$5.9 juta
1992	\$51.7 juta	\$2.3

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan telah tertunggak bayaran balik pinjaman sebanyak \$346.7 juta sehingga akhir bulan **Julai** tahun ini Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang berunding untuk menyelesaikan masalah tunggakan ini berdasarkan kepada keputusan Majlis Kewangan Negara pada 8hb. Februari 1990 antara lain seperti berikut:-

- (1) bagi pinjaman untuk projek-projek yang berjaya, Kerajaan Negeri berkenaan akan membayarnya dalam satu tempoh yang sesuai dengan kadar pulangan projek tersebut.
- (2) bagi pinjaman untuk projek-projek yang menghadapi masalah kewangan, penjadualan semula akan dibuat: dengan membekukan faedah dalam satu tempoh yang munasabah dan kadar faedah dikurangkan kepada paras yang berpatutan.

Tuan Haii Ahmad Zahid bin Hamidi; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tunggakan setakat ini daripada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak \$346 juta dan tiga tindakan telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tetapi jika sekiranya

Kerajaan Kelantan masih untuk tempoh penggal akan datang tidak dapat menjelaskan, apakah tindakan-tindakan selanjutnya akan dilakukan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sentiasa berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, bertujuan untuk mencari penyelesaian kepada masalah tunggakan ini. Selain daripada dua langkah yang dinyatakan tadi iaitu penjadualan semua yang telahpun sebenarnya dipersetujui, Kerajaan akan menimbang langkah-langkah lain apabila tiba masanya kelak. Walau apa pun tindakan yang diambil, perundingan akan diadakan dengan Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan.

PEKERJA ASING - PROSES PENGAMBILAN

15. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimanakah proses-proses atau cara-cara mengarnbil pekerja-pekerja asing dapat dipermudahkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, ingin dijelaskan bahawa Kerajaan akan sentiasa memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan bagi mengisi sebarang kekosongan jawatan. Pengambilan pekerja asing akan hanya dipertimbangkan sekiranya majikan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan dengan berbagai cara seperti mengiklankan kekosongan jawatan itu di akhbar-akhbar tempatan dan juga dengan menghubungi Jabatan Tenaga Rakyat bagi mendapatkan bantuan tetapi masih gagal mendapatkan pekerja tempatan yang mencukupi.

Sektor-sektor yang dibenarkan menggaji pekerja asing hanyalah sektor pembinaan, perladangan, perkhidmatan perabantu rumah, perhotelan dan restoran serta sektor perabuatan yang dibuka secara selektif.

Tuan Yang di-pertua, adalah rnenjadi dasar Kerajaan supaya majikan tidak bergantung selama-lamanya kepada pekerja asing dan oleh itu penggajian pekerja asing adalah langkah sementara sahaja.

Bagi menggaji pekerja asing, seseorang majikan hendaklah mengisi borang-borang yang ditentukan oleh Kementerian Sumber Manusia dan mengemukakan. borang-borang tersebut kepada Bahagian Penggajian Pekerja Asing di Kementerian Sumber Manusia dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:-

- (a) salinan iklan-iklan atau gambar poster-poster atau kedua-keduanya sekali.
- (b) surat. pengesahan daripada Pejabat Pekerjaan tempatan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat bahawa pekerja tempatan/penduduk tetap tidak ada atau tidak mencukupi untuk mengatasi kekosongan jawatan dan perakuan mengenai bilangan pekerja asing yang diperlukan oleh majikan.
- (b) di mana sesuai surat pengesahan dari Penghulu Kampung menyatakan bahawa majikan telah berusaha mendapatkan pekerja tempatan/penduduk tetap dari kawasannya tetapi gagal.

Permohonan yang tidak disertakan dokumen-dokumen di atas tidak akan diproses. Majikan akan diberitahu melalui surat supaya mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap.

Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing bermesyuarat setiap bulan. Keputusan mesyuarat akan dihantar kepada majikan dan salinan kepada Jabatan Imigresen memperakukan bagi dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Seraentara.

Sistem semasa yang dikendalikan untuk memproses permohonan bagi menggaji pekerja asing adalah ringkas dan teratur serta tidak memakan masa yang lama. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia dari masa ke semasa akan mengkaji sistem yang ada bagi mengendalikan permohonan menggaji pekerja asing dengan lebih cepat dan teratur.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar Kerajaan mengutaraakan kepada syarikat-syarikat yang besar sahaja untuk pengambilan pekerja-pekerja asing. Apakah cadangan Kementerian Sumber Manusia bagi syarikat-syarikat kecil seperti kilang tepung, syarikat-syarikat perikanan yang ada pekerja-pekerja sebanyak 10 dan kurang dari itu. Apakah cadangan Kementerian untuk mengelakkan kekurangan pekerja yang dialami oleh syarikat-syarikat yang kecil?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia **ini**, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak hanya akan menjaga kepentingan sektor-sektor besar sahaja. Kepentingan sektor-sektor kecil juga menerima perhatian Kerajaan. Bukan tujuan Kerajaan untuk membiarkan sektor-sektor kecil mengalami kerugian atau "suffer" dari kekurangan tenaga kerja.

Dengan mengambil pekerja bahawa terdapat jenis-jenis pekerjaan yang khusus dengan izin, croupier dan pencuci tingkap bagi bangunan-bangunan tinggi yang sukar mendapat pekerja tempatan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat iaitu kilang tepung dan perikanan juga termasuk. Kerajaan telah memutuskan untuk memberi kuasa kepada Menteri Sumber Manusia meluluskan permohonan bagi jenis-jenis pekerjaan yang khusus dan melaporkan keputusan-keputusannya kepada Jawatankuasa Khas Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

SEKOLAH-SEKOLAH TEKNIKAL - PEMBINAAN

16. **Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sekolah-sekolah teknikal bagi setiap Daerah untuk menampung keperluan pakar-pakar teknologi pada masa akan datang. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membina sekolah menengah teknik. Sebaliknya pula akan menambah bilangan sekolah menengah vokasional. Ini adalah selari dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran dan keperluan negara yang memerlukan lebih ramai tenaga mahir dan separuh mahir bagi mencapai Wawasan 2020.

Kemencerian Pendidikan tidak dapat membina sekolah menengah Vokasional di setiap daerah oleh kerana. kos pembinaannya adalah sangat tinggi. Kajian dan perancangan yang terperinci dan teliti perlu dibuat dan juga untuk mengelakkan duplikasi dengan institusi-institusi vokasional yang sedia ada di bawah berbagai agensi Kementerian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin mengetahui adakah Kementerian bercadang mendirikan sekolah vokasional di kawasan Parlimen Selandar? [Ketawa]

Dr. Foog Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu merupakan satu hasrat penduduk-penduduk di kawasan Selandar dan Kementerian Pendidikan akan cuba sedaya upaya supaya hasrat itu boleh ditunaikan.

RTM - PERUBAHAN RANCANGAN

17. **Datuk David Teoh Eng Hock** minta Menteri Penerangan menyatakan:
- (a) kenapakah jadual rancangan-rancangan di RTM 1 dan RTM 2 saling berubah sehingga mengelirukan berjuta penonton yang setia;
 - (b) memandangkan minat umum tentang isu-isu alam sekitar telah meningkat, mengapakah RTM menyiarkan dokumentari-dokumentari environmen hanya sebagai pengisi masa (fillers) dan bukan sebagai tayangan waktu perdana; dan
 - (c) adakah soal wang ringgit yang diperolehi dari iklan lebih penting daripada objektif RTM untuk memberi maklumat, mengajar dan menghibur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdal Rahman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Penerangan tidaklah mengubah rancangan-rancangannya sebegitu kerap seperti mana didakwa. Kalau ada pun perubahan program, ianya adalah perkara biasa yang didapati dalam semua stesen-stesen televisyen di dunia ini.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, RTM terpaksa mengubah kadang-kadang ataupun jarang-jarang rancangannya dan digantikan dengan program yang difikirkan lebih bererti kepada kepentingan umum. Seperti contoh, pada 7.7.92

Rancangan Gado-gado, umpamanya, yang dijadualkan pada 8.30 malam terpaksa dibatalkan untuk menyiarkan rancangan khas "Memorial Tunku Abdul Rahman". Program pada 1hb Julai - "Theatre P.Ramlee" yang dijadualkan untuk siaran pada pukul 8.30 malam dibatalkan untuk siaran secara langsung rancangan "Rumahku Syurgaku" yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Antara itu ada juga rancangan-rancangan yang dijadualkan terpaksa dibatal atau diubah masa rancangannya untuk menyiarkan secara langsung upacara penghormatan terakhir dan pengkebumian satu-satu tokoh dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, RTM sendiri banyak membawa berita-berita berkaitan dengan masalah dan penjagaan alam sekitar dalam Warta Perdananya. Selain dari itu isu-isu alam sekitar bukan sahaja dapat dilihat oleh para penonton di kaca mata televisyen melalui siaran dokumentari-dokumentari dan environmen tetapi juga dapat membaca dan mendengar mengenainya melalui media-media yang lain.

(c) Jawapannya, tidak.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, semasa Radio I Kota dilancarkan dahulu tujuannya ialah untuk memberikan maklumat kepada penduduk-penduduk Ibu Kota. Tetapi sejak akhir-akhir ini

saya dapati ianya lebih berminat untuk mencari penaja. Jadi, apakah RTM bercadang untuk mengadakan satu lagi saluran radio khas untuk penduduk-penduduk ibu Kota?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya cuba hendak mengaitkan soalan ini dengan soalan (a), (b) atau (c) tetapi tidak ada kaitan. Walau bagaimanapun oleh kerana soalan ini adalah soalan yang berkepentingan umum, untuk menjawab Yang Berhormat Senator dan untuk kepentingan Dewan ini, saya faham bahawasanya Yang Berhormat Senator telahpun menyuarakan permasalahan program jam 7.00 hingga 9.00 iaitu Siaran Radio 3 Ibu Kota dan Yang Berhormat Menteri telahpun mengarahkan di atas pandangan Yang Berhormat agar dikaji supaya tidak ada iklan-iklan yang dikeluarkan dalam siaran-siaran Radio Ibu Kota khususnya jam 7,00 hingga jam 9.00.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar terdapat berita baru-baru ini mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan bercadang untuk menubuhkan stesen TV dan Radio sendiri? Kalau benar, sudahkah permohonan itu dibuat?

Soalan kedua, apakah benar juga terdapat siaran radio haram yang baru-baru ini dikatakan berada di Kelantan? Kalau benar, apakah bentuk siaran yang telah disiarkan, bila, pukul berapa dan apakah tindakan RTM atau Kerajaan Malaysia terhadap stesen haram ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikuti perkembangan media cetak di mana suara Menteri Besar Kelantan ada menyatakan bahawasanya Kerajaan Negeri Kelantan

berhasrat untuk mendapatkan lesen TV dan Radio. Kalau berasaskan kepada berita itu, maka benar. Tetapi sehingga kini mereka belum membuat permohonan dan saya telah menjawab di dalam satu pertanyaan yang lain bahawasanya mereka boleh membuat permohonan dan Kementerian Penerangan bersedia untuk menolak,-

Berkaitan dengan radio haram, Kementerian Penerangan telahpun mengesan, memang ada radio haram yang beroperasi di kawasan sempadan, Buat masa ini kita belum lagi mengesan siapakah yang mengoperasikan stesen radio tersebut dan Yang Berhormat - Menteri telahpun meluahkan bahawasanya dia berasa dukacita, sungguhpun Parti Komunis telahpun meletakkan senjata tetapi nampaknya radio sedemikian masih berleluasa. Berkenaan dengan detail programnya, biasanya dan apakah yang dinyatakan, saya memerlukan notis kerana ini adalah soalan khusus dan saya akan menjawabnya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

EKONOMI BUMIPUTERA - PENINGKATAN TAHAP

18. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah lagi program-program selanjutnya di dalam meningkatkan tahap ekonomi bumiputera yang kini belum tercapai 30% seperti yang dihadkan melalui Dasar Ekonomi Baru, yang telahpun berlalu; dan
- (b) apakah sebabnya tidak tercapai matlamat itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan tahap ekonomi bumiputera hingga ke tahap sekurang-kurangnya 30% adalah berkait dengan salah satu aspek penyusunan semula di bawah Dasar Ekonomi Baru iaitu pemilikan dalam sektor korporat. Selain daripada aspek itu penglibatan bumiputera juga merangkumi aspek-aspek penyusunan semula pekerjaan dan juga

pembangunan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Ketiga-tiga aspek ini kini diteruskan di bawah Dasar Pembangunan Nasional.

Antara program yang sedang diteruskan dan akan diperkukuhkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:

- (a) menyelaraskan semula peranan agensi-agensi amanah untuk mengembeliling sumber-sumber ekonomi bumiputera dan memperbaiki prestasi masing-masing bagi meningkatkan pemilikan bumiputera dalam sektor korporat. Sebuah agensi amanah yang baru Perbadanan Usahawan Nasional telahpun dilancarkan oleh Kerajaan dan akan membantu pembangunan usahawan secara menyeluruh terutama dalam sektor industri kecil dan sederhana;
- (b) meningkatkan taraf kemudahan pendidikan dan latihan untuk menyokong usaha menambah penawaran tenaga manusia di peringkat profesional, pengurusan teknikal dan mahir di kalangan bumiputera
- (c) memperuntukkan pinjaman perniagaan sebagai modal broker, modal menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perusahaan kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana;
- (d) menggalakkan perdagangan dan pemasaran keluaran syarikat-syarikat bumiputera termasuk mengukuhkan operasi perniagaan di bawah konsep payung, system vendor, sub contract dan franchise;

- (e) menyokong sokongan perkilangan dalam membangunkan tapak-tapak kilang dan pembinaan kilang-kilang kecil;
- (f) menyediakan ruang niaga seperti pembinaan gerai-gerai dan kawasan-kawasan tertentu di kompleks niaga moden; dan
- (g) memberi kemudahan latihan dan khidmat nasihat melalui penyediaan pusat-pusat latihan kemahiran dan pembangunan usahawan.

Peruntukan ini akan disalurkan melalui institusi-institusi seperti MARA, Bank Pembangunan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Bandar untuk membantu masyarakat bumiputera menyertai sektor perdagangan dan perindustrian moden dalam ekonomi. Matlamat 30% penyertaan bumiputera di bawah DEB telah tidak tercapai sepenuhnya memandangkan terdapat beberapa kelemahan dalam aspek penyelarasan dan pengesanan program-program di masa yang lalu. Selain daripada itu terdapat beberapa golongan bumiputera yang telahpun tidak dapat merebut sepenuhnya peluang-peluang yang disediakan dan masih ketinggalan dari segi daya cipta amalan perniagaan yang baik dan semangat kerja yang gigih.

Berniaga, keusahawanan dan kesanggupan menanggung risiko masih lagi belum dihayati dengan sepenuhnya oleh bumiputera.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini, Kerajaan akan mengambil beberapa tindakan tegas dengan menentukan bahawa semua program akan dilaksanakan dengan tersusun. Dalam hal ini, program-program akan dilaksanakan dengan mengambil kira cadangan-cadangan baru yang dikemukakan oleh beberapa pihak termasuklah resolusi-resolusi yang telahpun dikemukakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera yang Ketiga baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, raasa sudah cukup.

[Masa untuk. Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 77 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDAHG**RANG UNDANG-UNDANG PEBBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992) (No.2)****Bacaan Kali Yang Kedua****3.41 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,069,294,024 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Keempat) 1991 adalah berjumlah \$2,024,110,692. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$2,003,709,724 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$20,400,968 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Tambahan sebanyak \$2,000 juta di bawah Maksud B.30 iaitu peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek. pembangunan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan adalah dibiayai melalui sumber-sumber hasil yang dikutip. Manakala Perbelanjaan Pembangunan pula adalah dibiayai melalui lebihan dalam akaun semasa Kerajaan Persekutuan serta sumber kewangan yang diperolehi melalui pinjaman sama ada daripada dalam ataupun luar negeri.

Berikutan perkembangan pesat ekonomi negara dalam berbagai sektor telah menyebabkan Kerajaan Persekutuan berjaya memperolehi hasil yang tinggi dalam tahun 1991. Lebihan hasil ini adalah diperlukan pula untuk dipindahkan kepada Kumpulahwang Pembangunan untuk membiayai projek-projek. pembangunan Kerajaan. Dengan bertambahnya wang dalam kumpulan wang pembangunan, maka bererti Kerajaan Persekutuan kurang bergantung kepada sumber-sumber pinjaman untuk melaksanakan projek-projek pembangunan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dipindahkan kepada

Kumpulan wang Pembangunan bagi tiga tahun yang lalu adalah seperti berikut:

1988 - \$600 juta

1989 - \$1.5 ribu juta

1990 - \$2.079 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$3.7 juta di bawah Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri untuk menampung kenaikan kadar elaun lojing dan elaun makan pegawai-pegawai dan kakitangan luar negeri serta rawatan perubatan pegawai dan kakitangan luar negeri. Antara lain sebab-sebab utama secara terperinci tambahan diperlukan diberi kepada Kementerian Luar Negeri adalah seperti berikut.:

- (i) kenaikan kos tuntutan elaun makan dan lojing oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri ekoran dari kenaikan kadar baru yang diluluskan oleh Kerajaan bertarikh 12hb Ogos, 1991;
- (ii) peningkatan kos untuk membiayai tambang perjalanan ekoran pertambahan bilangan anak-anak pegawai dan kakitangan Kementerian yang membuat lawatan untuk bertemu ibu bapa di luar negeri sama ada yang bersekolah di Malaysia mahupun yang bersekolah di negara ketiga;
- (iii) pertambahan kos sewa pejabat seraentara termasuk penyewaan hotel dan kediaman kakitangan Kementerian untuk perwakilan-perwakilan baru yang dibuka pada tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, buiir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan

Keempat) 1991 ini boleh didapati dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1992 dan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13A Tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Kedua) 1992 adalah berjumlah \$78,942,200. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$65,584,300 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini. Manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$13,357,900 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang yang tertentu.

Antara tambahan-tambahan yang terbesar yang dipohonkan bagi tahun 1992 adalah untuk Kementerian Pendidikan. Tambahan sebanyak \$53,495,800. adalah dikehendaki diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti baru dalam tahun ini seperti berikut:

- (i) pendidikan pra-sekolah berjumlah \$9,221,000;
- (ii) peningkatan pendidikan Bahasa Inggeris berjumlah
sebanyak \$13,622,600;
- (iii) pendidikan muzik berjumlah \$28,949,100,;
- (iv) pendidikan kemahiran manipulatif berjumlah
\$1,703,100.

Tuan Yang di-Pertua, objektif program pendidikan pra-sekolah ialah bagi menyediakan kemudahan pendidikan pra-sekolah khususnya untuk kanak-kanak di luar bandar, dan di kalangan kanak-kanak miskin di bandar. Sebanyak 1,130 buah kelas telah dibuka oleh Kementerian Pendidikan, iaitu 137 buah di Sabah, 154 buah di Sarawak, dan 839

buah di Semenanjung Malaysia. Peruntukan sebanyak \$9.2 juta adalah diperlukan untuk perbelanjaan iaitu untuk bantuan makanan dan juga elaun pengasuh.

Selain daripada itu, sepertimana yang dimaklumkan tadi, peruntukan tambahan juga diperlukan bagi meningkatkan pendidikan Bahasa Inggeris. Ini merupakan program kembar antara Maktab Perguruan Ilmu Khas dengan Universiti ataupun institusi-institusi di United Kingdom. Antara objektif-objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan Bahasa Inggris melalui peningkatan kemahiran, kecekapan dan prestasi pengajian guru Bahasa Inggeris. Dan kedua, menambahkan bilangan guru siswazah Bahasa Inggeris di kalangan guru sekolah menengah serta guru berkelulusan diploma di sekolah rendah.

Peruntukan tambahan yang diperlukan untuk pendidikan muzik adalah diperlukan kerana pendidikan muzik ini merupakan satu mata-pelajaran asas Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Objektif utama pendidikan muzik ini ialah untuk membina dan memperkembangkan minat dan sikap positif murid-murid terhadap muzik, membina kemahiran serta kematangan, mendengar dan memperingkatkan daya kreativiti murid dan memperkenalkan unsur-unsur kebudayaan tempatan melalui penghayatan muzik tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$7.9 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kekurangan peruntukan bagi perayaan Hari Kebangsaan, lawatan rasmi ke luar negeri Kebawah Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga lawatan rasmi ketua-ketua negara asing ke Malaysia. Antara peruntukan-peruntukan tambahan

utama yang dipohonkan di bawah Jabatan Perdana Menteri termasuklah tambahan peruntukan bagi menyambut Hari Kebangsaan berjumlah \$916,895; tambahan peruntukan untuk membiayai lawatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negeri berjumlah kira-kira \$1,946,832 dan untuk menampung lawatan ketua-ketua negara asing ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$2.5 juta diperlukan di bawah Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai kerja menebang serta mencabut pokok mati di Tasek Kenyir, Terengganu.

Tambahan sebanyak \$1 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai perbelanjaan bagi mengendalikan Sukan Malaysia (SUKMA) yang keempat, yang telahpun berlangsung di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$734,300 di bawah Maksud B.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan mengurus Program Kawalselia Pos bagi mengawalselia industri Pos berikutan penswastaaan Jabatan Perkhidmatan Pos mulai 1hb Januari 1992.

Tambahan ini diperlukan bagi menampung perbelanjaan mengurus Program Kawalselia Pos. Program ini adalah di bawah tanggungjawab sebuah badan Kawal Selia iaitu Jabatan Pos yang telah ditubuhkan sepertimana yang saya katakan tadi pada 1hb Januari, 1992 berikutan dengan pengambilalihan operasi Perkhidmatan Pos oleh Pos Malaysia Sdn. Bhd. pada tarikh yang sama. Secara umumnya peranan Jabatan Pos ialah memastikan perkhidmatan Pos dilaksanakan dengan cekap, selamat, ekonomi dan berkesan selaras dengan Akta Perkhidmatan pos 1991.

Tuan Yang di-pertua, butir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.)(No.2) 1992 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14/1992 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14A/1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi raenggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar.

3.54 ptg.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahar Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-pertua, pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya

sebagai pembahas pertama di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong penuh di dalam Rang Undang-undang ini sebagai Perbekalan Tambahan kerana saya percaya semuanya wang ditambah kepada Kementerian-kementerian yang memerlukan adalah memberikan kesan kepada perubahan keadaan pentadbiran dalam negara kita. Inilah satu keistimewaan Kerajaan Barisan Nasional di mana walaupun kita mempunyai peruntukan tertentu dan peruntukan khas kepada Kementerian-kementerian, di samping itu kita juga memberi peruntukan tambahan yang difikirkan perlu. Maka itu sebabnya, kita dapati tiap-tiap kali pilihanraya dalam negara kita, walaupun pihak Pembangkang menabur fitnah, membuat tohmahan mengatakan Barisan Nasional zalim, dan berbagai-bagai lagi, mengatakan Kerajaan Barisan Nasional hendak bankrap tetapi akhirnya kita serahkan mandat kepada rakyat bahawa terbukti rakyat merasa segala nikmat di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.51 yang diperuntukkan kepada Kementerian Luar Negeri. Oleh kerana seluruh negara di dalam dunia telah mengenali di manakah negara Malaysia, apatah lagi apabila baru-baru ini, negara Malaysia telah terpilih sebagai tuan rumah di dalam Sukan Komanwel yang akan berlangsung pada tahun 1998 di Kuala Lumpur, Kaiu kita dengar di kedai-kedai kecil ataupun mini-mini parlimen yang tidak bertauliah, yang ditaburkan oleh cakap-cakap daripada orang PAS dan orang S.46 kononnya negeri Kelantan lebih terkenal daripada Malaysia. Tetapi saya akui negeri Kelantan terkenal daripada Malaysia oleh kerana

mungkin kerana dialah merupakan sebuah negeri yang ketinggalan kerana dia tidak mahu menyokong Barisan Nasional.

Jadi, itu sebabnya saya percaya negeri Kelantan terkenal, kerana di dalam satu takta yang lain, bukan terkenal kerana kemajuan dan pembangunan negeri Kelantan.

Saya ingat Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain hendak bangun, hendak membuat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peruntukan kita berikan kepada Kementerian Luar Negeri, maka perlu saya membuat teguran kepada Kementerian Luar Negeri. Kalau kita ibaratkan, saya beri contoh, kalau kita menjual ubat kuat, si penjual itu mestilah badannya yang gempal dan 'sendul' sedikit, janganlah badan yang macam 'frame gambar'. Maksud saya apabila kita hendak mengenalkan negara kita sebagai sebuah negara yang membangun, yang makmur, yang mewah, maka perlu Kerajaan menentukan semua pegawai-pegawai Wisma Putra di Kementerian Luar Negeri kita, mestilah mempunyai satu tahap, pertama; pegawainya mestilah berdisiplin, mempunyai budi bahasa yang tinggi, bersopan-santun dan senentiasa memberi layanan terutamanya layanan kepada pelawat-pelawat daripada negara kita sendiri.

Di samping itu, kita juga perlu memberikan kemewahan, kemudahan segala-galanya, mahupun daripada pejabatnya, daripada kenderaannya, contohnya, pada dua tahun sudah saya pergi melawat ke Jeddah, saya dapati kereta-kereta yang digunakan oleh Kementerian Luar Negeri semuanya kereta yang umurnya sudah dekat 20 tahun, yang kalau dijual

dikedai besi buruk pun mungkin tidak laku. Tetapi baru-baru ini saya pergi, saya nampak alhamdulillah, kereta-kereta telah bertukar. Ini sepatutnya kita kena ambil tahu perkara ini kerana ini adalah satu perubahan membuktikan kepada negara luar, Malaysia ini bukan 'temberang kacang' punya. Malaysia di bawah pemerintahan Barisan Nasional bukan hanya hendak buat temberang di luar negeri mengatak: "Oh! Malaysia semuanya ada, dalam laut ada hasil, di udara ada hasil, di bumi ada hasil." Segala-galanya kita kena tunjukkan satu contoh, tauladan yang menggambarkan benar, apa yang dikatakan oleh pegawai-pegawai Wisma Putra yang bertugas di Kementerian Luar Negeri, memang betul. Kerana, dari segi kenyataan mata kasar mereka melihat keadaan pegawai-pegawai kita dalam keadaan keselesaan.

Maka itu sebabnya, saya amat bersetuju dan menyokong penuh, pertamanya, dalam elaun lodging yang diberikan kepada Kementerian Luar Negeri, memandangkan keadaan harga naik yang begitu tinggi, Kemudian memang patutlah pegawai-pegawai yang datang ke negara kita, yang-bertugas di negara luar itu, mestilah kita berikan satu tempat yang istimewa sekurang-kurangnya memberikan satu gambaran kepada dunia luar, bila dia tahun sahaja: "Where are you from?", dengan izin, "I am from Malaysia." Wah! dia tengok, duduk dalam suite room', kalau di bandingkan dalam negara kita \$1,000 harganya.

Jadi, kita mendapat. kebanggaan. Cuma satu yang saya hendak minta nasihat, apabila 'pegawai-pegawai ini sudah mendapat kemudahan semacam ini, yang diberikan oleh Kerajaan, kena pandai-pandailah jaga diri. Janganlah pula action, ego dan menyalahgunakan kuasa sehingga tertangkap berkhawat di dalam bilik dan berbagai-bagai lagi. Walaupun di negara luar tidak ada undang-undang tangkap khalwat, tetapi kita tidak mahu cerita-cerita ini yang boleh memburukkan negara kita. Selain daripada itu, peralatan pejabat seperti kerusi meja, yang seharusnya patut 'diperbaharui dan dicukar, patutlah ditukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk bercakap di dalam Kementerian Luar Negeri ini kerana sudah banyak negara yang saya pergi melawat, cuma saya ingin menegur lagi dan menasihatkan pegawai-pegawainya, bila Wisma Putra. mengadakan sesuatu latihan melatih semua pegawai-pegawai yang hendak dihantar bertugas ini supaya mereka mempunyai satu tatatertib dan berbudi bahasa tinggi. Kerana Malaysia ini memang sudah terkenal sebagai sebuah negara yang rakyatnya mempunyai budi-bahasa yang tinggi. Saya tidak mahu pegawai-pegawai yang kita Hantar ini, apabila ada soalan ataupun masalah yang ditimbulkan oleh negara lain, ataupun orang-orang di negara lain, maka jawapan yang diberi itu boleh menyinggung perasaan orang-orang luar dan juga orang-orang di negara lain. Saya sebutkan ini kerana, contohnya, pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk bekerja ketika musim haji.

Walaupun perkara yang saya sentuh ini bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Luar, ini perlu, bukan hanya untuk Kementerian Luar sahaja, malahan semua rakyat jelata, apabila dia diberi tugas di luar negeri, dia mestilah mempunyai kelakuan yang tertib dan bersopan-santun kepada sesiapa sahaja. Mesti mempunyai budi bahasa yang tinggi dan cara menjawab janganlah menyinggung, perasaan. Baru-baru ini, apabila saya pergi ke Mekah, terdapat satu acau dua orang begini. Kelakuannya; yang lain, majoritinya saya pujilah pegawai-pegawai dari Tabung Haji ini semuanya baik-baik dan bersopan santun. Cuma budak-budak yang muda-muda ini, bila mereka menjawab soalan daripada jemaah haji sepatutnya kita yang tidak, tahu marah pun pandai marah, kerana kita orang Islam, apabila pergi menunaikan ibadat haji, kalau boleh jangan marah dan kalau boleh juga orang yang bersama-sama dengan kita pun jangan buat kawan marah. Maka itu sebabnya saya menegur benda ini supaya sesiapa sahaja pegawai, mahupun dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar ataupun dari Tabung Haji, dia mestilah mempunyai satu perangai, satu kelakuan yang boleh dibanggakan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Senator Azman Atar. Saya kurang sedap bila dengar perkataan "budak-budak", yang telahpun membawa beberapa keadaan yang tidak menyenangkan. Bolehkah diperjelaskan, siapakah budak-budak itu?

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan, saya ada mendengar dan boleh dikatakan satu perkara yang difahamkan kepada saya, "oleh kerana Yang Berhormat Senator Azman baru pulang dari Mekah, rambutnya pun belum tumbuh panjang lagi. Jadi, saya ada mendapat berita kononnya ada satu berita yang dibawa ke negara Timur Tengah, khususnya di Mekah, bahawa Kerajaan kita daripada negara Malaysia ini, dalam segi peraturan dan juga perundangan kita, dan juga minat Kerajaan Malaysia kepada institusi raja dan mungkin perkara ini sampai kepada pihak yang berkenaan di Timur Tengah, khususnya, di negara Saudi dan ini boleh menjejaskan perhubungan baik antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Saudi.

Apakah Yang Berhormat Saudara Azman, dalam menceritakan tentang 'budak-budak' ini ada tersibar berita yang seperti ini. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih, ustazah Zaleha. Sebenarnya, perkataan 'budak-budak' saya gunakan tadi apabila dia itu seorang tua tetapi berperangai tidak senonoh, maka saya anggap dia budak-budak. Itu sebabnya saya gunakan perkataan 'budak-budak". Sebab itu kalau Pembangkang seperti DAP, PAS atau S.46, kalau dia berperangai tidak senonoh di dalam Dewan ini, kita juga boleh panggil dia budak-budak. Saya rasa ianya tidak menjadi salah, Tuan Yang di-Pertua. Itu maksud saya sebenarnya tentang 'budak-budak' ini dia orang tua tetapi berperangai budak-budak. Jadi, memang tidak salahlah kalau kita panggil dia 'budak-budak" .

Kedua, apa yang diminta oleh Yang Berhormat Ustazah tadi, seperti yang dijelaskannya, yang itu saya kurang pasti. Tetapi saya dengar angin adalah. Saya tidak dapat hendak menjelaskan dengan sejelasnya kerana saya tidak mempunyai bukti-bukti yang jelas, cuma saya dengar berita-berita yang mendebarkan kita sahaja. Contohnya, satu masa, selepas maghrib, saya duduk, datang dua, tiga orang kawan jemaah haji yang duduk di Maktab yang lain, datang bertanya "Yang Berhormat, betulkah Encik Ghafar Baba meninggal dunia"? Saya kata, "mana dengar?" Dia kata, "Baru sekejap berita dari Singapura". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, rupa-rupanya fitnah ini bukannya di sini sahaja, di tempat tanah suci pun berlaku. Kemudian saya dengar pula lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, besok malam itu "Yang Berhormat ada dengar atau tidak Saddam Hussein tembak bini dia". Saya kata, "tidak dengar juga, macam mana ceritanya? Dia jawab "Saddam Hussein tembak bini dia, apabila Saddam Hussein selak kain bini dia ternampak Bush dekat kain bini dia, maka dia tembak". Ini saya dengar. Mula-mula saya terperanjat, saya ingat benda itu betul, rupa-rupanya ia hendak memberikan saya hilang sedikit tension,- Bila kita dengar Saddam Hussein dengan Bush ini, memang kita tahu, mereka ini musuh ketat. Jadi, apa sebab kalau dia marah pada Bush, dia tembak bini dia? Rupa-rupanya dia ternampak Bush. Itu perasaan dialah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Selain daripada itu, saya juga ingin hendak bertanya sesuatu kepada Kementerian Luar. Baru-baru ini kita dengar penuntut-penuntut: ini memang sah, memang betul - yang telah hilang taraf sebagai seorang Islam kerana telah berkahwin dengan orang bukan Islam. Saya

amat sedih sekali, Tuan Yang di-Pertua. Kalau perkara ini benar-benar berlaku walaupun secara tidak langsung, Kementerian Luar harus bertanggungjawab. Sebelum perkara ini berlaku sudah tentu Kementerian Luar mesti mendapat laporan. Sudah tentu apabila Wisma Putra melantik pegawai-pegawai dari Kementerian Luar yang bertugas di London, memang ada salah seorang yang dikhaskan untuk mengambil tahu hal penuntut-penuntut kita. Kalau tidak ada pegawai yang ditugaskan. khas untuk mengambil tahu hal penuntut-penuntut kita, maka saya amat. kesal, kerana perkara ini telah berlaku dan tidak ada sebarang laporan daripada Kementerian Luar dalam masalah perkara penuntut-penuntut Islam murtad, bertukar agama kerana berkahwin dengan bangsa lain dan agama lain. di London,

Dan ini juga, saya boleh salahkan kepada pendakwah-pendakwah yang tidak ditauliahkan oleh Kerajaan yang berkeliaran di luar negeri. Baru-baru ini, saya difahamkan bahawa ada sebuah hotel yang terkemuka di London, ada satu ceramah yang dianjurkan oleh Arqam Antarabangsa, yang dipelopori, dikendalikan oleh Arqam dalam negara Malaysia kita ini. Dengan adanya ceramah-ceramah yang sernacam inilah bahawa kononnya Arqam ini, dia mahu wanita-wanita ini, kalau boleh mestilah bertudung, mestilah kononnya kalau boleh tutup mata dan bila sampai di London, atas tekanan daripada dakwah inilah yang boleh mengasingkan penuntut Islam kita. Apabila dia tidak memakai tudung, maka diarah oleh kumpulan dakwah songsang ini supaya pulaukan dia, asingkan dia, jangan berkawan dengan dia. Maka inilah satu puncanya yang saya fikir menyebabkan penuntut-penuntut ini sudah tersingkir daripada berkawan kerana tidak mengikut cara pakai tudung dan sebagainya.

Maka tidak ada pilihan lagi. Apabila dia di Luar negeri, dia berasa kesunyian. Siapa sahaja yang pandai tackle dia, yang pandai mengurat dia maka berjayalah lelaki itu berkahwin dan ketika itu, apabila penuntut iai mempunyai sifat lemah, tidak mempunyai asas keagamaan, keimanan yang kukuh, yang kuat, maka mudah terjerumus dan mudah terpengaruh dan mudah berkahwin dengan bukan Islam.

Saya amat kesal, kalau inilah berlaku dan tidak ada sebarang laporan daripada Kementerian Luar atau daripada Wisma Putra. Kalau

Wisma Putra hendak menjawab bahawa dia tidak pernah dengar cerita ini sebelum benda ini berlaku, saya rasa ini adalah perkara mustahil. Ini adalah perkara mustahil dan tidak boleh diterima oleh akal. Apa hendak jadi kepada penuntut-penuntut ini? Ini memalukan. Memalukan kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasminya, agama yang pertama di dalam negara kita. Sedangkan penuntut yang pergi ke luar negeri dengan semudah itu boleh terkeluar daripada Islam, jadi murtad.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Luar, bukan hanya di London sahaja, kalau perkara ini sudah berlaku, insya-Allah, kita cari jalan untuk membendung tetapi di negara-negara yang belum berlaku di mana ada sahaja penuntut kita belajar, saya minta Kementerian Luar kena tugaskan salah seorang pegawainya sentiasa melawat penuntut-penuntut, sentiasa memberikan layanan yang baik, sentiasa mengambil tahu apakah masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga negara-negara di mana penuntut-penuntutnya tidak pernah rmendapat layanan, tidak pernah dilawati oleh pegawai Wisma Putra. Ini saya berani mengakui, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bercakap bohong kerana saya baru balik daripada ibadah Haji. Ini memang saya mengaku. Wisma Putra jangan cuba menafikan benda ini. Memang ada berlaku di mana penuntut-penuntut kita yang belajar di Luar negeri tidak pernah dilawati oleh pegawai- pegawai Kementerian Luar, mangambil tahu masalah mereka,

memberi layanan, bertanya sesuatu supaya mereka ini dapat dilayan dengan baik. Inilah satu kelemahan yang dilakukan oleh Wisma Putra dan saya harap, teguran saya ini kepada pegawai-pegawai yang ada bertugas, yang daripada Kementerian Luar buat peringatan. Ini satu teguran, bukan fitnah. Kalau hendak bukti, mari kita pergi melawat ke seluruh negara, sama ada betul atau tidak benda ini berlaku. Cuma di Medan, Indonesia sahaja, Enam bulan sudah, saya pergi melawat penuntut di Medan. Penuntut di Medan dapat bermesra dengan Kedutaan kita, Konsulat kita kerana pegawai yang ditugaskan mengetuai Konsulat di Medan itu adalah pegawai yang mempunyai asas keagamaan, yang mempunyai keinsafan sebagai rakyat Malaysia. Secara kebetulan dia dilantik menjadi pegawai bertugas mewakili negara kita. Maka dia mengambil tahu hal penuntut-penuntut.

Saya pergi Umrah di bulan Ramadan yang sudah. Penuntut daripada Cairo bertanya dan bercakap dengan saya. Dia 'ingin membawa saya pergi beri ceramah dan saya tanya ada atau tidak pegawai daripada Kemeaterian Luar melawat. Dia kata, "Tidak pernah, Yang Berhormat." Jadi, saya paling kesal, kenapa perkara ini berlaku sehinggakan apabila saya pergi ke Medan itu hari, penuntut datang menemui saya di hotel tempat saya menginap, dia minta saya memberi ceramah kerana dia tidak tahu cerita apa yang sebenar berlaku dalam negara kita ini. Yang dia dengar bahawa Kerajaaa Barisan Nasional hendak buang raja-raja. Ini yang dia dengar. Terpaksa saya pergi malam itu, Tuan Yang di-Pertua menerangkan kedudukan yang sebenar

bahawa saya katakan tidak ada terlintas langsung Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO hendak buang raja-raja, malah kami ingin mendaulatkan lebih lagi raja-raja dalam negara kita **ini**. Cuma apa yang kami lakukan, kami ingin membuat teguran kepada raja-raja ini kerana kami berpendapat teguran ini perlu. Kerana hari Kiamat bukan esok, bukan Lusa, bukan tulat. Kita tidak tahu bila hari .Kiamat, wallahualam bissawab. Maka tidak ada siapa manusia yang menungkat langit walau dia Raja, walau dia Sultan, walau dia Perdana Menteri, walau siapa pun, walau kita semua. Kita akan berpulang, berpindah kepada alam yang lagi satu.

Maka pengganti kepada yang kita tegur ini sekarang, penggantinya besok. Raja-raja yang ada sekarang semuanya Raja yang berdaulat, Raja yang kita sembah, Raja yang adil. Kalau ada satu, dua pun jangan masuk kiralah asalkan majoritinya bagus. Yang kita hendak tegur ini dia Kita ingin membendung supaya Raja tahu apa tugas dia. Kita maktubkan dalam Perlembagaan Negara. Raja tugasnya yang sebenar menjadi payung kepada negara, kepada negeri, mengetuai agama Islam, tidak boleh berniaga, tidak boleh berpolitik. ini kita hendak tegur. Kalau sudah Raja, dialah niemerintah, dialah berpolitik, dialah berniaga, jahanamlah! Apa rakyat hendak makan? Jawabnya pegawai-pegawai Kerajaan ini semuanya keturunan raja-raja sahaja besok, semua Tengku-Tengku. Ini yang hendak kita tegur. Apatah lagi peristiwa, bila kita dengar, tengok baru-baru ini berlaku.

Apa hal Sukan SUKMA? Sukan adalah kita anjurkan supaya memberikan keistimewaan kepada semua rakyat jelata khasnya semua manusia dalam dunia ini, berkenal-kenalan, bermesra, relationship yang baik. Bila bertanding, yang kalah memberikan tahniah kepada yang menang. Ini bukan untuk yang kalah, panggil kawan, masuk dalam bilik, pukul sampai berdarah-darah. Ini apa? Sukan apa ini? Kalau sudah anak Raja berani buat macam ini, tidak juga kita tegur, sampai masa dia jadi Raja besok, apa hendak jadi kepada negara kita? Saya hendak tanya kepada semua dalam Dewan Negara ini. Kalau anak Raja, bila ada sukan dia mesti mahu menang. Kalah panggil, pukul dengan kayu hoki sampai berdarah-darah. Apa hendak jadi kalau dia ini jadi Raja besok?

Jadi, salahkah Barisan Nasional menegur? Adakah salah, saya bertanya, adakah salah? Itulah bila saya bercakap parti Pembangkang ini semua habis keluar, apa hal ini? Ini, &6, PAS, PBS semua tak berani duduk dalam Dewan ini. Saya hendak dia bangkitlah, minta penjelasan sebab saya tahu mereka ini senantiasanya menentang kita. Apa sahaja yang kita buat betul, pada dia 'tak betul, tetapi bila time saya berucap tiap-tiap kali tidak ada satu orang Pembangkang berani duduk dalam Dewan ini. Apa halnya?

Jadi Tuan. Yang di-Pertua, inilah sebenarnya kita tegur. Kita tegur supaya masa depan rakyat kita besok akan terus menghormati raja-raja. Kita tidak mahu di satu masa besok bila rakyat sanggup tarik pedang, tarik parang, sudak tidak lagi hormat raja. Ini perlu kita tegur, bukan kita tidak hendak raja. Tengok bila sudah sampai satu peristiwa pertandingan sukan pun boleh pukul sampai berdarah-darah, Tuan Yang di-Pertua. Amat sedih, amat sedih! Saya tidak tahulah peguam kita ada dalam Dewan ini, adakah ini akan dikecualikan daripada Undang-undang ataupun mesti kita ambil tindakan undang-undang? Kita tidak peduli siapa.

Maka itu sebabnya tadi. bila saya menyoal Kod Etika bagi Raja-raja, saya ingat. Perdana Menteri yang menjawab, rupanya dia hantar Timbalan Menteri. Timbalan Menteri pula pandai menjawab macam potong sayur cara jawapannya! [Ketawa] Saya tak bolehlah mencelah lagi, tetapi saya hormat Tuan Yang di-Pertua, dia sudah beritahu kita jangan banyak buat soalan tambahan. Kalau tidak tadi memang saya seligi betul-betul fasal jawapannya itu tak seronok. Dia

boleh kata had masanya sampai bila? Dia kata sampai bila saya pun kurang faham. Apa dia kata, masa yang munasabah. Ini jawapan mengolok-olokkan kita, membudak-budakkan kita. Jawapan "masa yang munasabah", hendak tunggu 20 tahun, sampai 30 tahun"? Baik, bagaimana kalau dia tak menjawab terus?

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak memperlihatkan negara kita ini sebuah Kerajaan yang betul-betul mengamali demokrasi yang dipilih oleh rakyat, kita kena senaraikan berbagai-bagai undang-undang, berbagai-bagai panduan kerana kita ini dipilih oleh rakyat. Rakyat menyerahkan mandat kepada kita, apa yang kita lakukan, apa yang kita buat. ini adalah semuanya faedah, untung kepada rakyat.

Saya tak nampak penekanan Kod Etika ini, dan saya pada mulanya pun tak berapa bersetuju, Kod Etika kepada Raja-raja ini perlu apa, sudah termaktub kepada Perlembagaan, raja tak boleh berniaga, tak boleh berpolitik. Yang penting kod etika ini kita beri kepada Menteri-menteri Besar, Exco-exco, ini yang penting sepatutnya. Kerana walau apa pun kita beri Kod Etika kepada Raja-raja, tetapi kalau Menteri Besar masih takur. kepada raja, Exco masih takut kepada raja, kita hendak buat apa?

Saya sudah beri contoh tadi; dua permohonan; satu permohonan daripada kerabat diRaja minta tanah; satu permohonan daripada orang ramai minta tanah, maka MB dan Exco menjawab, "oh, yang ini kena beri sebab Raja minta". Apa sebab perkataan "kena beri"? Kerajaan kita ini adakah Kerajaan dipilih oleh rajakah? Kerajaan kita dipilih oleh rakyat! Patutnya kita kena hormati, ini kerana raja sudah cukup. Ibarat makan remah-remah, itupun takkan remah-remah pun raja hendak punyakan?

Itu yang penting, kod Etika ini kepada orang yang berkuasa, yang menjalankan tugas. Umpama macam dalam Dewan Negara ini, kod etika diberikan kepada semua Ahli Dewan Negara apabila bercakap, bila duduk mesti pandang depan, bila berucap mesti pandang Tuan Yang di-Pertua, sedangkan Tuan. Yang di-Pertua tak diberikan kod etika. Kalau macam saya hendak berkeliling-keliling bercakap, apa Tuan Yang di-Pertua. hendak tegur, fasal dia tidak ada kod etika. Cuba dia kita beri peraturan. "Eh!, hendak berucap mesti terus memandang Tuan Yang di-Pertua", jadi barulah kita berpusing, pandang saya. Ini yang penting.

Serupalah kod etika yang kita berikan kepada MB-MB, Exco-exco kerana terdapat kadang-kadang sekarang MB bila sudah jadi MB, sudah mula dia berkawan dengan raja, sudah tak kenal rakyat, pada hal sebelum pilihanraya dia punya angkat tangan, nampak rakyat kalau boleh cermin itu belum sempat buka dipecahkannya sekali hendak mengeluarkan tangan hendak menghulurkan tangan hendak melambai rakyat. Bila sudah berjaya jadi MB sudah berkawan dengan raja konon sudah lupa jasa rakyat, lupa sokongan rakyat, maka dialah seolah-olah jawatannya itu dilantik oleh raja, bukan dilantik oleh parti dan dilantik oleh rakyat.

Jadi, pada saya yang logik, yang munasabah kod etika ini perlu diberikan kepada Menteri Besar, Exco-exco, baru ia selaras. itu sebabnya saya mencadangkan Menteri-menteri Besar ini kalau boleh dicadangkan orang yang betul-betul "firm". Sebab itu saya puji Menteri Besar Selangor. Ada orang Selangor dalam ini? Seorang pun tak ada. Ada seorang, Selangor. Yang Berhormat cakap kepada MB Selangor, saya puji dia tahu! [Ketawa] Tetapi saya puji dia bukan

saya mahu balak tahu, bukan saya maha tanah. Ini secara gentleman saya puji. Ada orang dia puji dia mahu sesuatu tetapi saya secara gentleman puji. Firm, mesti firm. Apa dia hendak buat? Parti dipilih oleh rakyat, termaktub dalam Perlembagaan, parti yang mempunyai suara majoriti berhak menubuhkan Kerajaan. Parti yang mempunyai suara majoriti berhak menubuhkan Kerajaan di peringkat negeri di mana Mentari Besar itu diperkenankan oleh Perdana Menteri sebagai mengetuai parti di peringkat Federal Kerajaan di peringkat Federal. Itu dia caranya. Sebab itu saya perlu tegur, dan ada kadangkala Exco pun bukan main action lagi, sebelum jadi Exco tak pernah main golf, mula-mula belajar main golf terpukul kaki sampai dua minggu tak keluar rumah; bila sudah pandai main golf, wah, mudah lupa segala sokongan rakyat.

Itu sebabnya saya pernah sebut rakyat yang sebenar bukan marah pada Kerajaan Barisan Nasional, dia puji dasar Kerajaan, Barisan Nasional ini paling baik memberikan nikmat, rahmat kepada rakyat jelata, tetapi oleh kerana satu dua orang manusia yang diberikan jawatan yang berlagak, lupa daratan, kacang lupakan kulit, maka itu yang membuat kadang-kadang rakyat kita jelak, bosan kepada perangai-perangai ini; membuatkan elok-elok dia hendak undi Barisan Nasional, dia pergi undi parti Lain, sebab dia marah pada perbuatan pemimpin yang tidak mengenang budi yang saya maksudkan tadi.

Itulah, Tuan Yaug di-Pertua, saya telah menyentuh perkara itu tadi kerana ia adalah satu perkara yang saya rasa kita harus renungkan. Di dalam kita ingin rncapaian kejayaan Wawasan 2020, kerana kita ini, wallahualam, sama ada ada lagi atau tidak ketika itu, maka generasi muda yang akan mengambilalih. Kalau kita tidak perlu ada panduan yang tertentu kepada raja, kepada pembesar yang berkuasa, saya takut-takut akhirnya besok negara yang kita sudah bendung dengan begitu cantik, begitu baik, begitu berkemewahan dan keamanan, akhirnya menjadi negara yang senantiasa berperang di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu apabila saya menyentuh masalah Sukan Komanwel, saya mengucapkan syabas kepada semua pegawai dan orang-orang yang memainkan peranan untuk mendapatkan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 1998 dan saya mengucapkan syabas. Oleh itu, di dalam menghadapi 1998, kita ada masa enam tahun lagi, kita perlu mengadakan berbagai-bagai pembangunan, mengadakan berbagai-bagai yang patut kita ubahsuai sehingga ianya merupakan tempat di mana menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel adalah sebuah negeri, sebuah bandar yang betul-betul kagum dengan pembangunan dan keselesaan dan berbagai-bagainya kemudahan yang menggunakan wang ringgit Kerajaan. Oleh itu, saya percaya Kuala Lumpur akan dipertanggungjawabkan di dalam menjayakan Sukan Komanwel ini.

Pertama, saya dan seluruh bolehlah saya cakap bagi pihak UMNO Bahagian saya sendiri, kerana saya Ketua Bahagian seluruh UMNO Sahagian Parlimen Batu walaupun Wakil Rakyat "saya bukan UMNO, daripada Gerakan, tapi saya tidak bercakap bagi pihak dia, kerana dia lainlah, dia Parti Gerakan walaupun dalam komponen parti tapi hubungan mesra dia dengan saya tak begitu mesra. Sebab dia tidak hormat. saya macamana saya hendak hormat dia. UMNO Bahagian Baru menyokong supaya menjayakan Sukan Komanwel 1998 ini di mana Malaysia menjadi tuan rumah supaya Dato' Bandar kita ini, Tan Sri Elyas Omar ini diteruskan khidmatnya, tugasnya sehingga tamat 1998. Kerana saya percaya, Tan Sri Elyas Omar sebagai Dato' Bandar

walaupun pernah suatu ketika dulu saya tidak bersefahaman dengan dia tetapi dari segi, dari segi membangunkan Kuala Lumpur, dari segi menaikkan taraf Kuala Lumpur saya akui beliau mempunyai kemampuan.

Dato' Azumu bin Tak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Azumu bin Tak: Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa Yang Berhormat Wakil Rakyat Parlimen Kawasan Batu adalah Naib Yang di-Pertua Majlis Olimpik Malaysia yang bertanggungjawab untuk mendapatkan anjuran sukan itu ke sini pada tahun 1998, Kenapa beliau sanggup mengatakan kurang percaya terhadap Wakil Rakyat dia itu?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan kurang percaya, ini nampak Yang Berhormat daripada Perak ini hendak melagakan saya dengan Dato' Alex Lee. Saya sebenarnya mengatakan antara dia dengan saya tidak bersefahaman, itu sahaja. Tetapi dari segi tugas dia yang "lain saya akui, tetapi kalau hendak katakan dialah yang menjayakan sehinggakan Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998, saya rasa tidak mungkin. Tidak mungkin. Kalau adapun satu dua negeri mungkinlah dia cakap. Itu pasal saya tidak berani hendak memuji **dia**. Saya kalau hendak puji, yang mengetuai peserta kita yang pergi ke Sukan Olimpik iaitu Tan Sri Elyas Omar, Perdana Menteri kita pun ada buat. Saya ke luar negeri pun, saya cakap about Malaysia. Kalau Yang Berhormat hendakkan Dato' Alex Lee masuk dalam senarai, saya pun mahu claim diri saya. Saya pun ada bercakap di luar negeri. Lagi hebat. Saya pergi mewakili negara kepada Inter-Parliamentary Union Meeting - dunia -

198 negara. Ha, jangan main-main. Dato' Alex Lee pun belum pernah pergi lagi. Saya mewakili Tuan-tuan ini, Dewan Senat pergi.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Tuan Azman, Tuan Azman tidak setuju arahan daripada Dato' Azumu bahawa Dato' Azumu ini kononnya ingin melagakan Tuan Azman. Adakah begitu?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Saya Tuan Yang di-Pertua, Dato' Azumu ini sahabat saya dia tidaklah mempunyai nawaitu yang sebegitu. Tetapi saya,...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bukan kata nawaitu, Tuan Azman sendiri yang kata begitu.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Oleh kerana dia minta saya memberikan penjelasan tadi, tetapi saya nampak ada hubung kait seolah-olah dia hendak melagakan saya. Jadi saya tidak setuju Dato' Alex Lee cecap kawan saya. [Ketawa] Kerana saya Pengerusi Barisan Nasional di kawasan Parlimen Batu, dia.Timbalan saya. Cuma saya marah dia ada benda-benda dia tidak pernah hormat saya, tidak pernah rujuk saya, itu sahaja. Ustazah Zaleha bangkit tadi ada apa? Tidak apa saya boleh beri peluang.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalnya yang sama, sudah ditanya oleh Dato Azumu tadi.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Macamana, minta maaf.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Penjelasannya sama, tapi sudah ditanya oleh Dato' Azumu..

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Saya ingat ada soalan lain lagi. Tuan Yang di-Partua, oleh itu saya harap

kita berdoa agar Sukan Komanwel yang akan diadakan di negara kita pada tahun 1998 akan mendapat kejayaan dan akan memberikan lebih lagi masyhur negara kita sebagai sebuah negara yang betul-betul bukah indah khabar dari rupa, rupa-rupanya indah khabar dan indah rupa, itu yang kita hendak. Maka itu sebabnya kita perlu dari sekarang kita terpaksa bermula memperkemaskinikan apa sahaja yang kita fikir untuk hendak menjayakan sukan ini supaya tidak menggagalkan sebarang perkara, sebarang program ketika sukan ini diadakan.

Maka saya nampak yang penting ialah Dato Bandar yang akan bertanggungjawab di dalam menyelaraskan segala kemudahan asas dalam Kuala Lumpur. Maka saya mencadangkan dia ini disambung supaya jawatan beliau sebagai Dato' Bandar diteruskan sehingga berakhirnya Sukan Komanwel. Kalau hendak sambung lagi, kalau masih mampu itu terpulang kepada Perdana Menteri. Tetapi kepada saya, kerana saya takut-takut apabila Dato' Bandar yang baru datang, maka dia mempunyai program yang baru sedangkan dia bukan ahli sukan. Sekurang-kurangnya Dato' Bandar ini kita telah lihat dia telah rnenjayakan satu sukan di mana dia sendiri menjadi presiden iaitu kita telah merebut Piala Thomas, walaupun kita gagal. dalam Sukan Olimpik tetapi kita tidak nafikan, pemain-pemain kita walaupun dia gagal untuk mendapat pingat emas, pingat perak tetapi dia telah menunjukkan satu permainan yang cemerlang, yang baik. Cuma Tuhan tidak memberikan nasib kepada Malaysia untuk membawa balik pingat emas. Walau bagaimanapun, sungguhpun dia tewas, dia tidak berjaya mendapat pingat emas, kepada saya, saya masih memberikan satu ucapan

tahniah dan. syabas kepada pasukan badminton kita yang telah beradu nasib di Sukan Olimpik.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin. Othman: Sila.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Tuan Azman, saya faham Tuan Azman mahukan supaya Dato' Bandar ini diteruskan jawatan sampai 1998 kerana hendak adakan kesinambungan kerja yang dilakukan ke arah 1998. Macamana dengan jawatan pegawai dalam Majlis Olimpik Malaysia? Apakah mereka juga harus dipertahankan kedudukannya sampai 1998 kerana kesinambungan tadi?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Nazri. Pertama saya bersetuju dia disambung untuk meneruskan kesinambungan sebagai Dato' Bandar. Tetapi kalau dia juga berkemampuan pada masa yang sama, di waktu yang sama selaku Dato' Bandar dan, juga selaku pegawai di MOM, Majlis Olimpik, apa salahnya. Teruskan!

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya tidak bertanya berkenaan dengan jawatan Tan Sri Elyas dalam Majlis Olimpik Malaysia, tetapi saya bertanya tentang pegawai-pegawai lain dalam Majlis Olimpik Malaysia. Apakah mereka ini juga hendak diteruskan jawatan sampai tahun 1998?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih. Kalau itu, patutlah kita ada tukar. [Ketawa] Tukarlah seorang, dua orang. Umpamanya, macam Alex Lee datang daripada Baru, gantikan saya. [Ketawa] Itu sahaja, betul tak? Tetapi janganlah gantikan orang lain. Terima kasih, Yang Berhormat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kuala Lumpur patut diberikan, dan saya mendesak Kerajaan Pusat di dalam menjayakan Sukan Komanwel di mana Kuala Lumpur atau negara kita menjadi tuan rumah, berikan lagi peruntukan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Saya belum pernah sebut dalam Dewan ini, kami rakyat Kuala Lumpur ini nasibnya kurang baik dengan rakyat di negeri-negeri lain, sebab negeri-negeri lain ada peruntukan bayaran kepala, tetapi kenapa tidak ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini? Saya harap Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sila catat perkara ini, sebab ini satu soalan yang penting, tanya Menteri sendiri, kalau tidak, dia tak dapat undi daripada Kuala Lumpur. Jangan main-main, kalau orang Wilayah Persekutuan bercakap, cakap terus buat. Ini bukan gertak sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua: Dia bukan macam Presiden Bush!

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Bukan, Presiden Bush ada temberang sedikit. Tetapi kalau orang Wilayah Persekutuan bercakap, dia cakap betul. Jadi, saya minta berikan peruntukan. Sudahlah kami tak dapat peruntukan bayaran bilangan kepala, tetapi peruntukan yang lain kalau diminta pun saya dengar Kementerian Kewangan susah hendak meluluskan. Kita patut sedar Kuala Lumpur adalah Bandaraya di mana seluruh pelancong dan rakyat negara luar datang, mereka bertumpu ke Kuala Lumpur dahulu. Kalau Kuala Lumpur masih penuh dengan setinggan, jalan ke rumah setinggan pun tak bertar lagi dan berbagai-bagai lagi, tak boleh disalahkan kepada Dato' Bandar.

Saya percaya Datuk Bandar juga mempunyai hasrat yang sama semacam Perdana Menteri. Kalau Perdana Menteri ingin membangunkan negara kita, mengindahkan negara kita, memakmurkan negara kita, saya percaya Dato Bandar juga mempunyai hasrat yang sama. Kalau adapun berlaku kelambatan, kelembapan, bukan salah Dato' Bandar. Ini saya hendak beritahu, mungkin salah ada satu dua pengarah yang merasakan dirinya oleh kerana dia ini dalam close department, department yang tak boleh ditukarkan ke tempat-tempat lain, dia tahu Dato Bandar ini merupakan satu jawatan bukan dalam close department, maka dia mempunyai perasaan, masa di office dia hormat Dato' Bandar itu sebagai Datuk Bandar, tetapi dalam jiwanya, dalam hatinya mengatakan, engkau tak lama lagi akan cabut, kami tetap kekal juga di Bandaraya. Ini mungkin ada satu, dua orang. Kalau terdapat pengarah atau pegawai yang ada mempunyai perangai macam ini, tendang dia keluar, buat apa simpan orang macam ini. Kalau dia tidak boleh menghormati Datuk Bandar sebagai Dato' Bandar (Mayor) yang mengetuai

pentadbiran Bandaraya. Maka itu sebabnya tidak hairanlah, bukan saya tuduh semua, kalau ada pegawai Bandaraya yang bertugas dalam Dewan **ini**, dengar, quote cakap saya betul-betul, saya tidak menuduh semua, tetapi ada satu, dua orang pengarah-pengarah yang langsung tak hormat kepada Kerajaan Barisan Nasional ini semaca-maca pergi bekerja ke sana makan gaji, malulah, makan gaji dengan Barisan Nasional tetapi jiwa, otak, kepala kepada Pembangkang.

Maka itu sebabnya tidak hairan segala rahsia Bandaraya habis bocor terbongkar kepada DAP. Siapa bongkar, siapa bocor rahsia-rahsia ini? Adakah orang luar pergi semak fail-fail dalam Bandaraya? Ini membuktikan mesti ada pegawai Bandaraya yang telunjuk lurus kelinking berkait; gunting dalam lipatan. Saya terperanjat apabila DAP boleh tahu cerita-cerita Bandaraya. Saya terperanjat DAP boleh mengemukakan angka-angka yang tepat.....

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azman, ada yang hendak minta penjelasan. Ya, Tuan Dahalan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, oleh sebab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Azraan Al-haj tadi ini begitu serius yang melibarkan OSA - Official Secret Act. Jadi, kalau ini memang terbukti dengan bukti-buktinya, apakah tindakan selanjutnya Yang Berhormat akan mengambil terhadap pengarah-pengarah yang berkenaan tadi?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Janganlah tanya saya apakah tindakan yang patut saya ambil, saya bukan Hakim, saya bukan Magistret. Tetapi sudah

terbukti. kalau orang ini dapat ditangkap.... ,

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan. Haji Azman, ada penjelasan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Penjelasan. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sebagai Ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab, setiap kesalahan itu patutlah kita bongkarkan dan hapuskan. Itulah hasrat saya.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Kalau Yang Berhormat ingin tahu apakah hukuman dan tindakan, kalau sebagai rakyat biasa» kalau diizinkan oleh Kerajaan, tindakan ke atas orang yang macam ini kalau kita dapat tangkap buktinya, kita cari pokok besar yang ada dalam Kuala Lumpur ini, kita ikat dia, kita kerenggakan dia, beritahu kepada rakyat, inilah penyeleweng, inilah gunting dalam lipatan, inilah telunjuk lurus kelingking berkait, inilah pegawai yang tak bertanggungjawab.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azman, apa hukuman itu? Saya tak faham tadi, apa? [Ketawa]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Kalau saya sebagai rakyat biasa dan diizinkan oleh rakyat memberi peluang, saya cadangkan, tangkap **dia**, cari pokok. besar dalam Kuala Lumpur ini di mana tempat orang lalu-lalang, kita tulis satu sepanduk, "Pegawai yang menyelewengkan tugas, yang membocorkan rahsia Kerajaan", dalam pada itu kita cari sarang kerengga, taburkan ke atas **dia**.....

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, sarang kerengga! Saya ingat 'sula' tadi.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Bukan, saya orang Melaka, saya sebut 'kerengga'. Kalau orang Negeri Sembilan, 'koronggo' dia cakap. [Ketawa] Itulah dia, Tuan Yang di-Pertua. Itu kalau saya rakyat biasalah. Kalau Kerajaan, kita sudah peruntukkan undang-undang, kalau kita dapat tangkap orang yang begini, terbukti kesalahannya. Tetapi ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menabur fitnah.

Orang-orang yang melakukan kesalahan macam ini dia cerdik. Tetapi sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya ke tanah juga. Itulah sebabnya saya sekali lagi hendak ingatkan kepada pegawai-pegawai ini, bukan semua, pengarah-pengarah lain bagus, Saya menyentuh ini, pernah saya mendapat laporan, apabila pemimpin, Wakil Rakyat, Ketua Bahagian memberi surat sokongan untuk mendapatkan sesuatu dalam Bandaraya, contohnya untuk mendapatkan unit rumah pangsa, bila dia tengok sahaja letter head Barisan Nasional, letter head UMNO, dia pernah baling, apa ini Barisan Nasional, UMNO hendak carapurtangan? Kami bukan hendak campurtangan. Kami tak campurtangan. Ramai juga mempunyai falsafah, kata bidalan Adat Pepateh, "Pantang orang tempat semenda, beri satu nak dua". Maksudnya 'pantang tempat semenda' ini, kalau kita sudah kahwin kakaknya, janganlah kahwin adik dia. Itu kepantangan orang Adat. Pepateh. Pantang orang semenda pula, sudah beri ambil balik. Itu kepantangan orang semenda. Maksudnya, bila kami sudah memerintah, kami sudah menubuhkan rakyat, kami serahkan mandat kepada pegawai-pegawai. Kerajaan, jalan, buat tugas. Kami tak ambil balik tugas itu. Tetapi salahkah apabila sampai satu ketika kami minta tolong, dengan

budi bahasa yang baik. Sebab kami meletakkan diri, kami adalah Kerajaan, kami pembuat dasar, membuat rang undang-undang. Tengok wang tambahan ini berapa Kementerian yang terlibat ini? Kalau kami di Dewan Negara ini tak luluskan, sorrylah, tak dapat pakai duit ini, faham tak? Hendak tengok besar atau tak besarnya tugas kami ini. Kalau kami tak luluskan, tak boleh pakai perbelanjaan tahunan, macam bulan Disember nanti kami bahas yang melibatkan beberapa billion, kalau Dewan Negara tak luluskan, sorrylah, jawabnya pegawai-pegawai Kerajaan tak dapat gajilah enam bulan sehingga rang undang-undang itu diluluskan. Hendak tahu terror atau tak terror Dewan Negara ini? Apa yang kami tegur.....

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, penjelasan ya?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Tuan Haji Azman. Adakah Yang Berhormat berhajat untuk membuat ataupun menulis surat, mencatatkan nama-nama pegawai Ini, hantar kepada Perdana Menteri, selaku menyimpan rahsia Kerajaan dan tidak dibentangkan di tengah khalayak ramai, kerana hukuman Yang Berhormat jatuhkan, saya rasa tidak dipersetujui oleh PAS, kerana hukuman ini adalah mungkin diperkatakan hukuman hawa nafsu. Oleh sebab yang demikian, lebih baik, saya berpendapat, sekiranya Yang Berhormat Tuan Haji Azman dapat menulis surat, memberi nama-nama, hantar kepada Perdana Menteri dan hukumannya baru kita tahu setelah disiasat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, bahawa saya percaya perkara ini berlaku, tetapi susah hendak menangkap pencuri macam ini ataupun penyelewengan macam ini. Tetapi sekali pandang dari segi logiknya, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, bagaimana orang luar boleh tahu segala rahsia Dewan Bandaraya? Bagaimana DAP boleh tahu apa sahaja perkara penyelewengan Dewan Bandaraya. Yang tidak dipersetujui oleh parti Pembangkang, bagaimana DAP boleh tahu, kalau tidak ada orang dalam Dewan Bandaraya itu sendiri membocorkan rahsia. Itu maksud saya tadi, susah hendak bukti, tetapi pasti perkara ini berlaku, kalau tidak mustahil perkara ini boleh terbocor di luar.

Seperti yang saya sebut tadi sepandai-pandai tupai melompat akhirnya akan jatuh ke tanah. Dari segi hukuman, saya tahu PAS tidak akan bersetuju apa sahaja Barisan Nasional buat, tetapi pada saya hukuman yang setimpal, kalau dapat kita tangkap untuk menyedarkan yang lain-lain, saya rasa memang patut, itu tidak zalim, kalau perbuatan dia itu membocorkan rahsia, saya rasa itu lebih zalim. Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya.

Saya harap apabila Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur ini minta wang tambahan, Kementerian Kewangan berilah dan saya minta juga kita sama-sama mencari jalan terutamanya Kementerian Pengangkutan. Saya tidak fikir Sukan Komanwel ini akan mendapat sambutan baik kalau

lalulintas di Kuala Lumpur ini masih dalam keadaan seperti pada hari **ini**. Jadi, kita perlu membuatkan jalan-jalan baru dan menyekat kenderaan daripada berpusu-pusu- berada dalam town, dalam Kuala Lumpur. Sepatutnya kita berikan satu syarat di mana ada kawasan-kawasan, tertentu kereta boleh lalu, di mana terdapat kawasan itu, tidak begitu kesibukan, tetapi ada kawasan yang dianggap sibuk untuk memberikan keselesaan kepada orang yang penting-penting untuk bekerja ke Pejabat dan berbagai-bagai lagi, maka jalan itu patut dihadkan. kepada kereta-kereta yang tertentu sahaja.

Saya mencadangkan untuk mengatasi keselesaan lalulintas, semua passenger-passenger yang diangkut oleh bas yang datang daripada Timur, Utara, Selatan jangan terus benarkan bas ini terus memunggahkan passengernya di Pudu Raya, sebab saya selalu lihat apabila satu dua bas jem di Pudu Raya, maka dalam masa setengah jam dia akan melibatkan keseluruhan Bandar Kuala Lumpur menjadi sesak. Jadi, saya harap dan saya mencadangkan supaya semua bas-bas yang membawa passenger yang datang daripada Kelang, daripada Seremban, daripada Utara dia mesti memunggahkan passengernya di sempadan Kuala Lumpur dengan sempadan negeri-negeri masing-masing yang menjadi jiran kepada Kuala Lumpur. Maka itu sebabnya kita berikan Mini Bas, tujuan kita mengadakan Mini Bas ini untuk mengangkut passenger itu daripada Seremban kita curahkan passenger di Cheras, jadi di sana Mini Bas sambut Dengan cara ini, saya percaya barulah kurang kesesakan lalulintas. Dan teksipun boleh mencari makan dengan

betul, sebab apabila bas itu tidak terus ke Pudu Raya, maka teksi-teksi yang kita keluarkan permit atau lesen dengan banyaknya ini barulah mereka dapat hidup dengan betul-betul, dapat mencari nafkah.

Sekarang saya tengok sudah terlalu banyak permit teksi dikeluarkan, tetapi ada kawan yang hendak mencari gaji \$20 satu hari pun susah, setelah ditolak duit sewa kereta, duit minyak, sebab tidak ada peluang untuk mereka mendapat passenger yang lebih jauh dan mendapat bayaran yang lebih banyak. Ini adalah satu perkara yang rasa paling penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, iaitu masalah kesesakan lalulintas, yang mana Dato' Bandar akan dipertanggungjawabkan. Saya mencadangkan, kalau benda ini mahu semuanya selaras, apabila dapat sahaja permohonan daripada Dewan Bandaraya, pihak Kementerian Kewangan sila berilah peruntukan.

Saya menyokong penuh kerana saya tahu apabila kewangan diberi kepada Dewan Bandaraya duitnya akan digunakan untuk membangun Kuala Lumpur dan barulah ianya akan dibanggakan kepada negara-negara lain besok sebagai tuan rumah Sukan Komanwel.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan untuk hendak menunggu Sukan Komanwel pada tahun 1998, prestasi sukan di Malaysia atau di negara kita ini harus dipertingkatkan harus dipertingkatkan. Kalau ada acara-acara sukan yang kita tidak ambil bahagian dalam Sukan Olimpik yang diadakan sekarang ini di Barcelona, kalau kita patut wujudkan kita wujudkan dan beri latihan dengan sepenuhnya. Adakan satu peruntukan khas untuk menanggung perbelanjaan semata-mata kepada peserta-peserta, ahli sukan yang akan

mengharumkan nama negara kita. Kadang-kadang kita hairan apa bezanya negara Jepun? Apa bezanya negara Kanada dengan Malaysia? Pada hal dia manusia juga, kitapun manusia juga, padahal Malaysia kalau hendak ikut lagi terror-terror, lagi handal-handal, tetapi apabila sampai ke peringkat antarabangsa, kita out, ke tepi tidak ada tempat. Apa sebab? Kalau kita sudah tahu sebabnya kerana tidak ada satu peruntukan khas untuk membelanjakan kepada ahli-ahli sukan ini, maka kita perlu adakan satu peruntukan khas kepada mereka ini kalau dia seorang peninju, dia diberi tugas berlatih dalam peninjuan. Kalau hoki dalam hoki, badminton - latih di bidang badminton.

Saya ingin mencadangkan dalam hendak menjayakan sukan ini Raja-raja jangan campurlah memegang jawatan susah, bila sudah Raja menjadi pemimpin sukan ini, hendak jaga protokol lagi hendak jaga itu ini lagi dan hendak tegurpun takut. Jadi, apabila berlaku perkara macam ini bagaimana kita hendak mendapat kejayaan bagaimana hendak mendapat kejayaan? Kalau semuanya orang biasa, tidak payah kita hendak sembah, hendak jumpa dia, saya rasa orang berani tegur, umpamanya macam saya dengan Datuk Azumu dia, kalau Datuk Azumu diberikan tugas mengetuai sesuatu yang membawa kepentingan, mengharumkan nama negara, kalau tidak betul saya boleh tegur, atau kalau Jawatankuasa tidak betul, boleh saya tegur, "tolong betulkan Jawatankuasa Datuk ini." Tetapi kalau sudah Raja atau anak Raja ini siapa berani tegur? Hendak-hendak Raja yang silap sedikit 'pang' penampar dia bagi, siapa berani siapa berani? Lain daripada kita hendak menegur terpaksa pakai topi helmet dahulu (Ketawa).

Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Penting saya sebut ini, kalaulah betul negara kita hendakkan perubahan. Kalau hendak ikut kolar lama sahaja, tidak guna hendak cakap ini semua. Tidak guna. Sebab kita sekarang makin lama makin banyak perubahan. Rakyat sudah cerdik, rakyat sudah pandai. Rakyat sudah berani. Ini faham-faham kuno, faham-faham fanatik **ini**, semua harus kita ketepikan kalau mahu kejayaan di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap satu jam setengah. Saya perlu panjangkan. Saya hendak sahabat-sahabat saya kalau boleh semua mengambil bahagianlah membahaskan bekal ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah Kementerian Pendidikan di mana kita juga memberikan peruntukan tambahan kepada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan kita memberikan \$53,495,800 di dalam Bill yang hendak kita luluskan ini. Di dalam anggaran ini saya nampak Kementerian Pendidikanlah yang paling banyak kita memberi tambahan.

Saya puji Kementerian Pendidikan. Memang banyak perkara-perkara yang dibuat. Dasar-dasar baru yang dibuat. Cuma saya hendak tegur, satu sahajalah. Jangan bila ada Menteri baru pegang Kementerian Pendidikan maka sudah tukar dasar baru. Ada tukar sahaja Menteri baru, sudah dasar pula bertukar. Kalau sepuluh Menteri dalam masa setahun menjadi Menteri Pendidikan, jawabnya sepuluhlah polisi pendidikan. Jadi macam manalah

Pegawai-pegawai, Cikgu-cikgu, Pengarah-pengarah hendak jalankan dasar? Belum selesai cerita bawang putih sudah bawang merah pula keluar. Ini betul. Dan kalau hendak pun ubah atau tambah dasar, jangan jauh perbezaan dengan dasar yang dibuat oleh Menteri Pendidikan yang sudah. Kerana, saya tahu apabila Perdana Menteri melantik seseorang itu menjadi Menteri Pendidikan, memang Perdana Menteri sudah tahu orang ini berwibawa, berkebolehan, berkemampuan,

Cuma bezanya kalau jawatan Menteri Pendidikan itu diberikan kepada orang UMNO, maka bila sampai pilihanraya parti UMNO, terpaksa ada pegawai-pegawai ditugaskan sama-sama berkempen.

Sekarang saya puji Menteri Pendidikannya bukan daripada parti UMNO, daripada parti PBB. Jawabnya kalau kita ada pilihanraya parti UMNO, tidak ada seorang pegawai yang hendak berkempen. Untuk siapa dia hendak berkempen? Menteri dia tidak bertanding. Ini tidak boleh dinafikan, Siapa berani nafi? Sila bangkit buat penjelasan, saya hendak jawab. Saya potong sayur nanti,

Jadi, bila ada Menteri yang tidak ada kaitan dengan-parti UMNO, saya setuju. Saya setuju Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud menjadi Menteri Pendidikan. Banyak perkara yang beliau majukan. Cuma yang saya hairan, ini saya tahu, ini peringkat bawah yang boleh lembab. Macam mana keputusan bahasa Inggeris begitu lemah, begitu lembab terhadap murid-murid di luar bandar? Begitu menurun prestasinya di dalam matapelajaran bahasa Inggeris. Apa sebabnya? Kenapa benda ini berlaku? Saya harap pegawai daripada Kementerian Pendidikan yang bertugas di belakang ini sila ambil catitan. Ini satu teguran. Dengan izin, why these things happen?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat kalau Tuan Haji Azman kalau cakap bahasa itu mesti lulus. [Ketawa]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman; Saya minta izin, sekali-sekala apabila saya duduk dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah saya duduk di forum antarabangsa. [Ketawa] Kenapa benda ini berlaku? Saya harap dapat kita atasi supaya apa sahaja yang diperantukkan kepada Kementerian Pendidikan, semua bertanggungjawab di dalam menjayakan anak-anak murid kita di sekolah-sekolah agar ianya terbukti betul-betul sebagai sebuah negara yang segala-galanya mæwah. Semua cukup, ada bantuan, ada peruntukan; tidak cukup duit kita tambah. Asalkan semuanya dapat diselaraskan.

Paling hairan saya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ada sekolah-sekolah yang harus kita puji dan mendapat sambutan yang baik dan berkeputusan yang baik, Tetapi kenapa di dalam bahasa Inggeris kita nampak sekolah-sekolah di luar bandar dan murid-murid kampung begitu lemah sekali.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh serba-sedikit, minta maaf kerana saya tidak teratur menyusun ayat, maklumlah saya tidak memakai teks ucapan. Saya ingin menyentuh maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri yang diperuntukan \$7,854,200 sebagai peruntukan tambahan, Saya percaya di dalam meraikan dan memperingatkan Hari Kemerdekaan sudah barang tentu kita mendapat peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya harap kalau boleh adakan lagi berbagai-bagai pertunjukan ataupun sakan

ataupun hari keramaian di mana rakyat jelata boleh sama-sama menyertai program itu. Kerana perayaan Hari Kemerdekaan adalah merupakan hari yang seharusnya seluruh rakyat jelata memperingatkan bahawa bukannya senang. Kita hendak merdeka, terutama generasi-generasi yang dilahirkan selepas merdeka, di mana dia hidup sedar-sedar dia telah ada dalam dunia ini, rumah sudah ada, api sudah ada, air sudah ada, pergi sekolah berkereta, tetapi rakyat yang berada dalam masa negara kita belum merdeka, benda-benda ini semua belum ada,

Dengan adanya program-program yang memberikan kesedaran kepada rakyat jelata di, mana betapa susahnyanya kita hendak menuntut kemerdekaan dulu, dengan serangan komunis, penjahat dalam hutan, penjahat di dalam pekan, musuh dalam selimut ketika itu. Ketika itu walaumacama mana tinggikita pandai belajar, tetapi kita ini bukan keturunan anak raja tidak merasa kita pergi ke pelajaran tinggi menyambung pelajaran. Tidak semacam sekarang, Anak penoreh getah, pekebun sayur, petani semuanya tidak ada perbezaan lagi. Ketika di zaman pemerintahan Inggeris ada perbezaan. Dia divide and rule!

Jadi dengan adanya program supaya menyedari ulangtahun merayakan Hari Kemerdekaan saya percaya ini memberikan keinsafan kepada seluruh tenaga, seluruh rakyat terutamanya rakyat yang dipertanggungjawabkan di dalam mengendalikan tugas-tugas Kerajaan sebagai pegawai Kerajaan.

Kalau dulu, pegawai Kerajaan minta maaf, dia tidak akan dapat duduk kerusi macam ini, Kalau ada pun bangsa kita dia punya tugas paling tinggi sekali atas orang putih, bawah orang putih, dia duduk hujung sana dia menarik kipas. Tarik kipas kerana masa itu kipas angin tidak ada. Ada kaia dibuat pemedang, apabila ditarik, berangin! Itu dulu. Sekarang mana ada?

Jadi, perlu kttta adakan program ini supaya menyedari rakyat jelata bukan semudah itu kita hendak mendapat kemerdekaan. Dan bila mereka sedar barulah datang perasaan insaf, perasaan keharmonian. Dan adakan program-program di mana seluruh bangsa mesti melibatkan diri di mana Melayu, Cina, India segala-gala. Walaupun sekarang ada, tetapi saya rasa perlu dicari jalan untuk lebih sesuai, lebih baik lagi. Barulah tidak ada timbul perasaan kita Melayu atau dia Cina atau dia India.

Malahan semua merasakan kita ini Malaysian, kita inilah rakyat Malaysia, tiada perbezaan. Barulah negara lain segan dan hormat betul-betul, negara lain puji. Bukan senang hendak mentadbir sebuah negara yang mempunyai berbilang kaum, berbilang bangsa dan berbilang adat resamnya. Inilah Malaysia. Itu sebabnya Perdana Menteri kica bila dia pergi ke luar negeri dia mendapat penghormatan dan sanjungan tinggi daripada negara lain kerana Perdana Menteri kita memirapin semua kaum. Walaupun ada puak-puak di negara kita, saya pun tidak tahu macam mana otak kepalanya boleh lain pula daripada otak kepala kita. Ada pula separuh Cina tidak suka duduk dalam MCA pergi duduk dalam DAP, ada pula Melayu tidak suka duduk dalam UMNO pergi duduk dalam PAS dan 46. Yang MIC ini, dia ikutlah mana lebih. Yang India ini minta maaf, Dato' Samy Vellu tidak ada. Cuba kita mari...

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Azman. Mengapa tangannya menunjuk ke sini sahaja? Oleh kerana saya berada di sini, saya terasa apakah saya digolongkan sebahagian daripada mereka?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Puan Hajah itu dia terasa dia....

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Ya, memang betul, saya pun ada nawaitu...

Timbalan Yang di-Pertua: Tangan itu tajam ke situ.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Memang betul, saya akui, sebab Yang Berhormat Hajah Zaleha datang dari Kelantan. Pasal apa

tidak beritahu orang PAS di Kelantan, "marilah kita ramai-ramai berada dalam UMNO", bagi tahu 46 Tengku Razaleigh, "marilah kita, sesat di hujung jalan baliklah kita ke pangkal jalan". Itu sebabnya saya tunjuk tangan saya. Minta maaf. Saya percaya Yang Berhormat boleh buat itu.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan dari Yang Berhormat Tuan Haji Azman. Apakah saya yang boleh mengajak pemimpin PAS dan Tengku Razaleigh Hamzah masuk UMNO ataupun wakil 46 dan PAS yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Saya percaya orang-orang ini, jikalau atas cara Yang Berhormat; Hajah Zaleha bercakap, kerana Yang Berhormat. Hajah Zaleha ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ada kelebihan, kalau dia bercakap, dia mengeluarkan ayat Quran terus diterjemahkannya sekali. Tidak semacam parti lain, dia sebut. ayat Quran tetapi dia tidak tahu terjemahkan. Itulah saya percaya, kalau Yang Berhormat Hajah Zaleha, mereka akan berikuk, mereka akan masuk dalam UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya harap Kementerian Kewangan dapat meneliti apa sahaja peruntukan tambahan yang perlu kita berikan kepada tiap-tiap Kementerian yang difikirkan penting, yang betul-betul akan menaikkan darjat., menaikkan nama baik negara kita di. dalam menjayakan apa sahaja perancangan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Jabatan Perdana Menteri telah memperuntukan sebahagian daripada wang yang kita berikan dalam Perbekalan Tambahan ini kepada perbelanjaan lawatan DYMM Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong kita di luar negeri. .Saya harap, kalau boleh, apabila Yang di-Pertuan Agong kita melawat di luar negeri, apalah salahnya bawa dua tiga orang Ahli Dewan Negara ini untuk mengikuti Baginda. Sebab kita Ini kalau pergi mengikut Yang di-Pertuan Agong memang layak, sebab kita ini Dewan Negara, dengan izin, we are in the Upper House - House of Lord.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh terjemahkan?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Kita ini di Dewan yang tertinggi, kita ini boleh dianggap sebahagian daripada orang Raja, jawatan di Raja, patut boleh pelawa kita pergi. Saya minta Kementerian Kewangan....

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi "Lord" itu maknanya "di Raja"?

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yalah, lehlh kurang macam itulah, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]. Saya minta kalau boleh biarlah tiap-tiap lawatan Yang di-Pertuan Agong di luar negeri, ada wakil daripada Dewan Negara ini untuk bersama-sama dalam rombongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh banyak perkara dan akhir sekali saya hendak sentuh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Kita,telah menswastakan Jabatan Pos. Saya ingin tahu semenjak penswastakan ini, adakah ia benar-benar berkesan,. benar-benar menguntungkan. Apabila saya ingat balik sebelum Pos ini diswastakan, paling amat sedih terutama semua kami Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. dan semua Yang ~~Behomat~~ - Yang Berhormat. Kalau dahulu kita pakai "Urusan Seri Paduka", kita diberi kebenaran cop, sekarang terpaksa pakai setem. Bila sudah pakai setem, di manalah ada

"semangat" surat Wakil Rakyat, surat. Ahli Dewan Negara, surat Ahli Dewan Rakyat? Sudah tidak bersemangat lagi dah. Jawabnya tidak ada perbezaan daripada surat yang datang daripada seorang Senator, Ahli Dewan Negara dengan surat orang kampung. Tiada lagi perbezaan. Saya harap pihak Kerajaan, kalau hendakkan betul-betul Ahli-ahli Yang Berhormat ini menjalankan tugas sebagai orang yang mempunyai darjat lebih sedikit daripada pegawai-pegawai Kerajaan, daripada orang-orang kampung, maka perlu ada perbezaan dalam surat menyurat Urusan Seri Paduka ini. Kalau tidak nanti, siapa yang hendak hormat? Kalau surat yang datang daripada seorang Yang Berhormat mereka tengok berselem, pakai baling begitu sahajalah. Pada hal dalam isi kandungan surat itu penting. Saya haraplah, cari satu jalan alternatif, kalau sekiranya sudah kita swastakan dan semua surat. perlu mempunyai setem, maka berilah satu penghormatan kepada tiap-tiap Yang Berhormat, Ahli Dewan Negarakah, Dewan Rakyatkah, ADUNkah bahawa surat-surat mereka itu, cari satu jalan untuk betul-betul sebagai surat. yang ada penghormatan daripada penerima, iainu tidak menggunakan setem. Itulah teguran saya kepada Jabatan Pos setelah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya percaya ramai kawan kita yang akan membahas Rang Undang-undang ini dan saya telah mengambil masa lebih kurang dua jam, maka dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk

maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu. Maka dengan itu saya menyokong penuh. Sekian, terima. kasih,

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Dahalan.

5.19 ptg.

Tuan Dahalan bin Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk bersama-sama menyokong dan seterusnya membahas secara ringkas di atas Rang Undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang yang berbunyi sebagai Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992).

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tadi Yang Berhormat Tuan Haji Azman begitu lantang menegur secara marah, saya nampak, kepada kerabat-kerabat di Raja ini. Kita fahamlah, dia datang dari Melaka, dia duduk di Kuala Lumpur, bila dia hendak pergi ke Pulau Pinang dia naik kapalterbang, dia tidak lalu di negeri-negeri yang ada Raja. Kalau dia hendak pergi ke..."

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Saya ingin penjelasan. Adakah maksud Yang Berhormat bahawa kami yang datang dari Melaka tak pernah beraja dahulu? Kalau itulah maksud Yang Berhormat, saya hendak beritahulah, saya hendak mejelaskan sedikit. Itulah jangan silap, sebelum negeri-negeri lain beraja, Melaka ada raja dahulu. Tetapi sekarang tidak ada. Jadi, raja ini tidak hairanlah, boleh ada, boleh tak ada. Itu sebab saya tegur.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Terima kasih. Saya belum habis. Sebenarnya saya hendak ucap tahniah. Daripada pengalaman dari situ dapatlah kita ambil sebagai satu pelajaran. Tetapi kami yang datang daripada negeri-negeri lain ini ialah oleh sebab kami semua beraja, jadi bila hendak bercakap kiri-kanan kena pandang jugalah. Bila kita hendak menegur, kita buat secara nasihat. Secara yang dibuat tadi nampaknya menegur dengan lantang, nampaknya marah bukan? Tidak mengapalah, mungkin itu satu cara yang wajar, oleh sebab beberapa kali kita sudah tegur, beberapa kali kita sudah nasihat, tetapi ini berlaku juga. Jadi, teguran Yang Berhormat Tuan Haji Azman tadi nampaknya begitu wajar dan selaras dengan tindakan pihak Kerajaan dan parti kita. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih sekali. lagi.

Berbalik kepada Rang Undang-undang ini, saya dapati permohonan untuk pertambahan ini adalah wajar oleh sebab ini dipohon untuk pembangunan dan juga untuk pengurusan. Memang apa yang dipohon itu adalah wajar dan sepatutnya diberi kelulusan, oleh sebab perbelanjaan pembangunan dan pengurusan bagi projek-projek tadi adalah merupakan perbelanjaan yang priority yang sepatutnya

dijalankan, yang sepatutnya didahulukan daripada projek-projek ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang lain-lagi. Jadi, di sini saya ingin ucap tahniah kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menempuh dua, tiga-perkara, dan saya akan membawa satu, dua cadangan berikutan dengan perbahasan **ini**, tetapi hanya secara ringkas. Saya tidak akan menempuh banyak, khusus kepada Rang Undang undang ini, tetapi saya akan menempuh atau membuat cadangan yang berkaitan dengan Kementerian, iaitu kebanyakannya dari segi untuk menambahkan hasil Kerajaan.

Yang pertamanya, kita dapati mengenai cukai khusus sungguhpun sekarang ini tidak dijalankan lagi, saya rasa ini adalah satu perkara yang wajar oleh sebab kita bermasalah banyak mengenai penggunaan rokok. Syarikat-syarikat rokok menggunakan banyak duitnya untuk promosi untuk advertisement. Patut kita faham bahawa advertisement ini adalah sebagai satu pelaburan (investment), bukan sebagai expenditure item yang sebenarnya. Tetapi di dalam accouncing system mereka, ini dianggap sebagai expense item, sebagai kos yang digunakan untuk hendak melarikan daripada membayar cukai. Beratus-ratus juta ringgit hanya dihapuskan atas nama advertisement, acas nama promosi. Jadi, Kerajaan tidak dapat apa-apa faedah daripada duit ini. Sebagai satu jalan untuk mengurangkan promosi ataupun advertisement rokok-rokok ini, rasa saya peruntukan untuk promosi atau advertisement syarikat-syarikat rokok ataupun minuman ataupun barang-barang yang luxurious, saya cadang supaya peruntukan itu dicukaikan. Umpama kata satu syarikat membelanjakan 20% saya percaya ada syarikat yang sampai 30% pun membelanjakan hanya untuk

promosi ataupun advertisement. 20% daripada \$10 juta jadi \$2 juta. Ini dianggap sebagai kos, sebagai expense.

Timbalan Yang di-Pertua: 20% daripada jualan ataupun daripada modal?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: 20% daripada jualan. Jadi, \$2 juta hangus begitu sahaja. Tetapi saya anggap ini satu perkara yang dapat kita capitalise, Kerajaan kica boleh dapat hasil. Tiap-tiap satu promosi, tiap-tiap satu advertisement yang telahpun kita ambil secara ad hoc, mesti Kerajaan cukaikan, oleh sebab, sebagai saya sebutkan tadi, advertisement cost ini bukanlah sebagai expense item, iaitu sebagai pelaburan. Mereka telah laburkan duit dalam promosi, dalam advertisement, untuk hendak menarabahkan lagi hasil untuk syarikat itu atau jualan untuk syarikat itu. Memang mereka telah menyatakan bahawa promosi ini bukanlah untuk hendak merosakkan sesiapa, bukan untuk hendak menarik sesiapa. Tetapi sebenarnya mengikut apa yang dibcri oleh syarikat-syarikat rokok, ini sebagai contoh, promosi rokok dijalankan supaya ada transfer of brand. Macara sekarang kita hisap Rothmans, satu hari kica akan hisap mungkin Benson & Hedges, oleh sebab ada promosi seperti ini. Jadi, bukan untuk hendak menambahkan jualan. Jadi, kalau inilah alasan mereka, ini adalah sebagai satu alasan yang agak Lemah.

Itulah saya harap pihak Kerajaan mengambil kesempatan ini. Banyak duit, kalau 20% daripada \$500 juta, berapa banyak itu, sebagai contoh? Itulah satu cadangan yang saya bawa, Tuan Yang di-Pertua, dan raungkin kita boleh anggap ini sebagai fiscal policy, Bagaimanapun, cukai-cukai rokok ini ataupun apa-apa lain lagi mengenai

rokok ini tidak dapatlah kita hapuskan begitu sahaja, oleh sebab macam Tan Sri - dia tidak ada di sini - kata "it's my only enjoyment." Kalau dia sudah pencen, tak ada apa hendak buat, duduk di rumah, dia tengok muka itu sahaja. Hendak main apa pun tidak boleh.

Timbalan Yang di-pertua: Mana tahu?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Dia kata "That's my only enjoyment," selain daripada Kerajaan mendapat hasil. Jadi, kita rasionalise. Janganlah sampai teruk sangat. Jadi pihak-pihak syarikat rokok dan minuman-minuman ini mestilah mengambil sedikit-sebanyak sosial responsibility ini terhadap rakyat dan sebagainya, Janganlah harap kepada keuntungan sahaja, sehingga Kerajaan pun, saya tidak mahu sebut perkataan 'tertipu', tetapi daripada hasratnya rasa saya kalau \$500 juta, \$600 juta sudah dibelanjakan oleh kebanyakan syarikat rokok ini, dan kalau ianya dihapuskan begitu sahaja sebagai expense, ini memang sudah 'tertipu', Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itulah saya ambil ini sebagai satu perkara yang serius.

Berbalik kepada Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kos overrun ini memang selalu berlaku, tetapi seperti penjelasan yang diberi tadi, oleh sebab projek-projek priority dan keperluan untuk menambahkan, maka ini memanglah perlu. Tetapi saya ingin tahulah mengenai cost overrun ini, tambahan-tambahan ini, siapa yang sebenarnya yang ada, kuasa untuk memberi peruntukan kelebihan daripada Budget? Sama ada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Menteri Besarkah, siapa yang sebenarnya ada hak? Kalau masing-masing ada hak, saya hendak tahu apakah kuota tiap-tiap seorang itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Hak menggunakan duit.

Tuan Dahalaa bin Haji Embun: Hak menggunakan duit tambahan lebih daripada budget - hak melulus, saya ingin tahu itu. Siapakah dia dan berapa banyak dan untuk projek-projek apa? Jadi, setakat sekarang ini tiap-tiap kali kita bersidang ada sahaja tambahan diminta. Kita tidak tahulah memang dia sebut di bawah Kementerian - tetapi siapa yang sebenarnya meluluskan. Adakah ini boleh diluluskan sebelum dibawa ke Kabinet?

oleh sebab kita dengar diumumkan oleh Menteri pun ada, oleh Menteri Besar pun ada, oleh Timbalan Perdana Menteri pun ada, oleh Menteri Kewangan pun ada, Jadi, kita tidak tahu, mana satu, siapa yang ada kuasa sebenarnya, ataupun boleh diluluskan sebelum dibawa ke Kabinet.. Ini yang ingin saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya pun tidaklah begitu teratur sangat, saya hendak sambung balik daripada segi rokok tadi, fasal banyak sangat smuggling, lebih-lebih lagi kretek daripada Indonesia. Ini telahpun diakui oleh pihak Kerajaan sendiri, berapa banyak jumlah smuggling rokok sahaja tidak termasuk barang-barang lain. Jadi, kita tahu sebagai contoh, kretek ini begitu popular, kita boleh anggap ini sebagai satu kes ad-hoc. Saya rasa pihak Kerajaan suagguhpun kita belum impose lagi VAT ini, dapat digunakan khas untuk rokok kretek sahaja. Jadi, sesiapa yang hendak membeli rokok kretek ini, cukai dikenakan 3:2. Jadi, direct tax kepada pengguna. Bagaimana kita hendak implementkan, itu saya pun tidak tahulah, Tetapi sepatutnya kita ada satu standard price, dalam pasaran sekarang ada yang jual \$3, ada yang jual \$2.50, kalau pergi ke Kuala Perlis, saya ingat dalam \$2, \$1.50 pun ada. Jadi, harga itu tidak seimbang.

Saya rasa kalau kita buat secara itu, dapat sedikit sebanyak kita mengurangkan smuggling, sebagai contoh saya sebut kretek ini.

Tetapi ini boleh digunakan untuk barang-barang lain juga yang banyak sangat dismugglekan ke negara kita sehinggakan kita kerugian daripada segi hasil.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan oleh sebab inipun melibatkan perbelanjaan Kerajaan iaitu cukai-jalan untuk lori-lori berat iaitu lori balak, trailer, lori pasir dan semua lori-lori jenis berat. Mereka ini mendapat keistimewaan di atas jalan raya, banyak jalan-jalan yang cantik-cantik, yang elok-elok dimusnahkan oleh lori-lori ini. Saya rasa, cukai ke atas lori-lori ini mesti dikenakan premium, lebih daripada apa yang dikenakan sekarang. Oleh sebab merekalah yang merosakkan jalan, dua tiga lori balak. Kita ada 400, 500 atau mungkin 1,000 motokar lain yang tidak merosakkan jalan, tetapi oleh sebab lima enam buah lori-lori balak yang lalu pergi/balik setiap hari, inilah yang merosakkan jalan. Jalan-jalan di Pahang contohnya, tadi saya bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jerantut sahaja, dia sudah pening kepala tidak tahu hendak cari dari mana, masalah lori balak. Jalan telah begitu elok, begitu cantik dibelanjakan begitu banyak wang tetapi rosak oleh sebab lori - lori ini tadi, inilah saya minta pihak Kementerian mengimposekan satu sistem cukai yang munasabah supaya ini dapat disekat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menempuh sedikit sebanyak berkenaan dengan R&D ini. Kita dapati sekarang ini minat begitu meluas lebih-lebih lagi di sektor awam iaitu mengenai penggunaan personal computer untuk research and development untuk hendak

meninggikan taraf ataupun standard mutu prestasi setiap orang yang bekerja di jabatan-jabatan, mungkin di peringkat-peringkat yang tinggi sedikit, di peringkat pegawai-pegawai yang tahu mengendalikan personal computer ini. Mereka ini begitu minat untuk research, untuk input lain-lain dan sebagainya. Tetapi kemampuan untuk hendak membeli, sungguhpun komputer-komputer ini tidak begitu mahal," dalam \$2,000, \$3,000 kita telah boleh dapat satu sistem yang lengkap hendak gunakan di rumah tetapi duit untuk hendak membeli itu tidak tercapai lagi.

Sekiranya Kerajaan boleh beri pinjaman untuk rumah, untuk membeli kereta, untuk renovation dan lain-lainnya lagi, jadi inilah saya rasa untuk pegawai-pegawai yang muda-muda ini yang keluar dari universiti ataupun kolej yang ada diploma, inilah orang yang begitu bcrminat untuk mempunyai sebuah komputer kecil ini. Jadi, saya cadangkan supaya pihak Kerajaan memberi satu peruntukan khas ataupun pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini. Kita hendak prestasi daripada mereka, kalau kita tidak beri peransang untuk mereka adakan sesuatu yang mereka hendak, jadi tidak bergunalah. Ini sebagai peransang, satu strategi ataupun taktik untuk hendak meninggikan taraf prestasi pegawai-pegawai Kerajaan. Ini telahpun dilakukan di private sector, jadi, di pihak Kerajaan kita sepatutnya ikut jugalah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu ada satu hal lagi yang saya sebut tadi saya buat dalam soalan iaitu mengenai syarikat pelaburan asing yang begitu banyak melabur di negara kita. Satu-satu syarikat sampai beratus juta, sampai billion pun ada. Tetapi

syarikat-syarikat ini hanya dimiliki oleh mereka sahaja iaitu kalau satu kumpulan itu, sepuluh orang, sepuluh oranglah. Rakyat di sini selain daripada faedah dapat kerja, tidak banyak sangat daripada segi ekuiti. Jadi, inilah saya cadang pihak Kerajaan supaya bawa kepada satu perbincangan supaya syarikat-syarikat asing yang melabur di sini, yang begitu berjaya disenaraikan di dalam Bursa Sahara tempatan supaya dapat kita semua menikmati. Kita bukan hendak majoriti, kita tidak mahu majoriti. Kalau dia beri 49% pun cukuplah, \$100 juta - 49%, sudah berapa banyak, Tuan Yang di-Pertua. Sudah banyak, dia control 51% tidak mengapa, itu dia punya.

Jadi, sekarang keuntungan ini semua dia bawa balik habis, selain daripada Kerajaan kata, ini untuk hendak beri kerja, tidak cukuplah, kalau begitu rugi sangat, kita telah beri kemudahan pioneer status, 10 tahun sudah tidak kena cukai. Kadang-kadang kita tambahkan lagi, macam-macam insentif lain kita beri. Jadi, inilah kita boleh sekat mereka ini supaya meminjam duit daripada tempat-tempat lain, cari duit daripada local source, melalui Listing yang saya sebutkan tadi.

Ini sebagai satu cadangan, saya rasa cadangan ini wajar dan tidak mustahil untuk dilaksanakan. Kalau pihak Kerajaan sendiri mengambil peranan untuk hendak menjalankan, pihak syarikat luar pun saya rasa, dia akan rasa senang, oleh sebab ada ini, penyertaan ekuiti daripada tempatan ini, secara terus, rakyat pun akan senang. Lebih-lebih lagi untuk pekerja-pekerja di syarikat itu. Mereka diberi keutamaan untuk mempunyai syer-syer dalam syarikat-syarikat itu, sebagai contoh kita boleh ambil Motorola, syarikat Jepun,

syarikat Amerika, apa yang tidak ada di sini, sernua boleh.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, inilah satu cadangan yang saya harap sangat-sangat pihak Kementerian ini akan memandangnya sebagai satu perkara yang serius. Saya tahu pihak Kementerian Kewangan ini memang sensitif, sebenarnya saya mula-mula tadi hendak mengucapkan 'terima kasih', oleh sebab banyak cadangan-cadangan yang kita bawa, bukan sahaja, daripada Dewan ini, kadang-kadang cadangan kita bawa direct dengan perjumpaan Yang Berhormat Menteri pun dilaksanakan, contohnya macam borang, dahulunya borang minta tanah 1 ekar - free, 10 ekar - free, nainta 100 ekar, 1,000 ekar pun free juga. Ataupun borang passport dahulu 50 sen, 20 sen; sekarang sudah naik, saya pun tidak tahu berapa ringgit_. Jadi, inilah pihak Kementerian telah mengambil satu sikap yang positif iaitu begitu sensitif terhadap cadangan-cadangan yang dibawakan, oleh rakyat dan kami sebagai mewakili rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tadi saya sebut saya akan menempuh sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang ini, inginlah saya beralih kepada Maksud B.51 iaitu Kementerian Luar Negeri.

Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Azman tadi, saya pun begitu merasa insaf dan bersimpati dengan kedudukan rakyat orang-orang Islam di luar negara yang tertindas, teraniaya, tersingkir daripada daripada negara sendiri dan sebagainya. Sebagai contoh, di Bosnia-Herzegovina dan di negara-negara lain seperti Burma dan sebagainya. Jadi, di bawah Kementerian Luar, saya minta sangat-sangat supaya pihak Kerajaan memberi peruntukan khas, mungkin melalui Kementerian Kewangan ataupun lain-lain Kementerian tetapi ini adalah di peringkat Kementerian supaya nampak kita di Malaysia ini membantu rakyat di negara-negara yang bukan sahaja beragama Islam, tetapi kebanyakan mereka itu, disebabkan Islam, jadi perlu sangatlah bagi kita sebagai orang Islam untuk membuat sesuatu amalan yang akan membawa sesuatu faedah dari segi agama kepada kita.

Selain daripada itu, saya telah melawat bukan sahaja beberapa buah negara yang maju tetapi juga saya pergi ke negara yang tidak maju, sampai ke Pulau Tonga di Afrika, di tengah-tengah pulau di Africa Continent pun saya pergi, dan saya banyak melawat tempat orang-orang Islam di sana, keadaan-keadaan masjid di sana, surau-surau, tempat-tempat mereka sembahyang. Kadang-kadang serabahyang di bawah pokok, kadang-kadang pinjam tempat, kadang-kadang sewa tempat, kadang-kadang hanya didirikan empat batang kayu, berbumbung sedikit dan di situlah masjid dan sebagainya dengan tidak ada kitab, Quran dan Hadis jauh sekali. Quran pun tidak ada. Apa pun tidak ada. Jadi, saya merasa insaf, sedangkan mereka ini memang berjiwa Islam. Tetapi untuk menghayati kesusahannya mereka itu memang bermasalah.

Jadi, inginlah saya cadangkan- supaya pihak Kerajaan setiap tahun, sebagai contoh, memperuntukkan sebanyak \$10 juta ini tidak banyak, \$10 juta setahun untuk hendak menolong. Bukanlah kita hendak menolong semua sekali setahun. Mungkin dalam 10 tahun. Kalau \$10 juta setahun, 10, tahun sudah \$100 juta jangka panjanglah sebab kita tidak boleh buat dalam masa sehari, Ini pahala besar. Bukan-pahala kepada saya tetapi kepada setnua, kepada Kerajaan, bukan sahaja kepada orang Islam, Islam tidak Islam, semua kita dapat pahala dari segi. Ini, Cadangan saya \$10 juta setahun ini tidak banyak. Kita boleh kesan melalui Kementerian Luar. Tetapi perlulah mereka ini membuat research sedikit,. pergi berjalan cengok. Kalau macam di China sana, tidak perlu kita bantu lagi. Mereka sudah bertamaddun mengenai Islam. Sehingga Arqam pun sudah pergi ke sana untuk menubuhkan.Persatuan Arqam di sana. Apa ini? Dahulu mula di Malaysia, sekarang sudah ke China, sudah ke London, jadi, sudah jadi. Arqam International sekarang. Jadi, Arqam ini pun pandai juga, dia mencari tempat yang banyak duit, tempat mana yang sudah maju, bukaa dia hendak pergi _ cari di. hutan ATrika ataupun di Pulau Tonga atau Mauritius,- Mauritius itu dikira sudah bertamaddun. Kenapa-dia tidak pergi ke Afrika, kalau benar-benar dia hendak berdakwah?

Dia pergi ke China, China sudah Islam 1,300 tahun, lebih dahulu daripada kita. Jadi, what are we talking about Islam Kita compare dengan China. Daripada "silk.route dahulu, di Xian, masjid itu berusia 1,300 tahun lamanya. Siapa di sini yang pergi dahulu. tahu hal ini. Dato dan ada dua tiga orang di sini yang pergi. Kita melawat masjid yang 1,300 tahun lamanya. Bukan satu. Yang di Xian

itu silk route melalui jalan darat, di Canton silk route melalui jalan laut. Di Canton ada satu perkuburan yang berusia 1,300 tahun. Yang termasyhur sekali ialah Abdul 'Asy, seorang Arab yang meninggal di sana. Kita biasa dengar dalam buku sejarah Islam mengenai Abdul 'Asy, tetapi kita tidak tahu dia mati di mana. Tetapi kalau hendak tengok, pergilah di Benua China. Tempat dia bersemadi itu dijaga di dalam kawasan lebih kurang 100 ekar. Bukanlah dia seorang sahaja, seraua umat-umat Islam. Dia telah bermula 1,300 tahun dahulu. Jadi, inilah suatu yang saya minta, itu fasal saya buat perbezaan tentang negara-negara raaju dan negara tidak maju dalam kedudukan Islam di negara-negara tersebut. Jadi, inilah saya minta sekali lagi kepada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, satu sahaja lagilah, iaitu B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Tadi, sebenarnya Tuan Azraan telahpun menyebutkan persediaan untuk Commonwealth Games, mungkin satu hari nanti, kita tidak tahu, Olympics ataupun Asian Games dan sebagainya. Jadi, di negara-negara asing, misalnya, di China, kita nampak di televisyen, 4 tahun atau 5 tahun dahulu mereka sudah mula dan raemberi latihan. Kita mungkin tidak sampai ke peringkat itu. Tetapi kalau kita mulakan sekolah-sekolah khas untuk sports ini, kita boleh tubuhkan sekolah sports. Di Philippines, dia tubuhkan University of Life untuk pembangunan sports dengan peruntukan khas dari Kerajaan. Jadi, kalau kita hendak maju begitu, kita terpaksa kena buatlah. Tetapi kalau kita hendak harapkan Kerajaan sahaja pun tidak bolehlah. Rasa saya mesti kita berganding bahu antara Kerajaan dan juga rakyat. Jadi, inilah saya hendak minta supaya pihak Kerajaan memperuntukkan ataupun memberi insentif kepada private

sector untuk hendak menubuhkan sesuatu infrastructure sports, sama ada secara grant ataupun pinjaman, melalui apa sahaja saluran, supaya private sector ini dapat aktif, Tubuhkan satu kompleks untuk memberi latihan untuk sports dan ini mestilah bertaraf untuk hendak mara ke arah Commonwealth Games dan sukansukan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah seruan saya dan cadangan-cadangan yang saya bawa, dan saya berharap akan jadi satu faedah untuk Kementerian mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali iagi saya raengucapkan terima kasih kerana meraberi peluang dan seterusnya saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Puan Hajah Zaleha.

5.48 ptg.

Puan Bajah Zaleha binti Hussin: Assalamualaikum warahmatullaht wabarakatuh,- dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalain membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpiilawang yang Disatukan untuk perberlanjaan tambahan bagi perkhidnatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi meraperuntukkan wang ini untuk maksud yang tertentu" bagi tahun-tahun yang tersebut. Saya

akan menyentuh perbelanjaan tarabahan kedua bagi tahun 1992 supaya dikeluarkari wang yang tidak melebihi \$65,584,300 iaitu mengenai B.26

Kementerian Pendidikan, sejumlah wang \$53,495,800. Saya menyokong peruntukan tambahan ini kerana ia amatlah bertepatan dengan hasrat Kerajaan yang begitu tinggi kepada Kementerian Pendidikan yang berasaskan matlamat pendidikan negara untuk memperkembangkan potensi individu secara bersepadu bagi mewujudkan insan yang seimbang, harmonis dari segi keintelektualan, kerohanian, jasmani dan emosi, ia juga berhasrat untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak raulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Matlamat ini juga mencerminkan kepada ideallsraa yang ingin kita capai melalui pendidikan dalam usaha meneapai cita-cita besar ini, ia hendaklah bermula daripada pra-sekolah, kerana ia merupakan asas dan foundation kepada pembentukan melaksanakan amanah pendidikan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mewujudkan kelas-kelas pra-sekolah di sekolah-sekolah di seluruh negara dan ini juga boleh merabantu ibu bapa yang miskin di luar bandar yang tidak mempunyai keupayaan untuk membiayai persekolahan anak-anak di pra-sekolah. Kementerian Pendidikan juga perlu mengambil perhatian terhadap beberapa perkara yang timbul dalam pelaksanaan ini.

Pertama, guru-guru yang mengajar di kelas-kelas pra-sekolah ini adalah guru-guru yang terlatih di bidang persekolahan formal selama 7 tahun hingga 12 tahun. Kepada mereka ini, perlulah diberi latihan yang cukup di bidang pengajaran pra-sekolah kepada anak-anak kecil di dalam pelaksanaan untuk mewujudkan pendidikan pra-sekolah.

Yang kedua, apa yang saya lihat dan saya perhatikan, apabila kelas pra sekolah ini diwujudkan di sekolah-sekolah, saiz bilik darjah yang sempit. Ini tidak cukup untuk menampung murid-murid pra-sekolah yang ramai, dengan ini menghalang pergerakan bebas anak-anak kecil ini dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mereka yang tidak formal dan anak-anak ini tidak mungkin dapat menggerakkan aktiviti mereka dengan begitu bebas. Oleh itu, Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan pendidikan pra-sekolah ini, saiz bilik darjah perlulah diambil kira dan dibuat perhatian.

Yang ketiga, dalam bidang ini juga, saya ingin menyentuh masih kedapatan lagi, apa yang saya lihat dan ini Kementerian Pendidikan perlu mengambil pemerhatian yang wajar kerana masih kedapatan lagi kekurangan alat-alat sokongan mengajar yang menarik perhatian anak-anak yang sepatutnya digunakan oleh guru-guru pra-sekolah.

Yang keempat, pemilihan guru. Apa yang saya lihat, pemilihan guru pra-sekolah yang diarahkan daripada guru-guru daripada sekolah-sekolah yang formal ini, yang pentingnya ialah mereka ini hendaklah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di kelas pra-sekolah ini adalah mereka yang berminat, berkualiti dan profesional di bidang pra-sekolah dengan ciri-ciri perguruan yang positif, kreatif dan inovatif.

Saya juga difahamkan, di dalam pembentukan kelas pra-sekolah ini, Kementerian Pendidikan juga perlu mengambil perhatian kepada pembantu ataupun pengasuh yang telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan di kelas-kelas pra-sekolah ini adalah dengan cara kontrak dan mereka ini dilantik setahun ke setahun. Apakah perancangan Kementerian Pendidikan mengenai kedudukan pengasuh-pengasuh dan pembantu-pembantu pra-sekolah ini dalam segi perjawatan mereka kerana mereka yang dilantik secara kontrak ini, yang saya bimbang ialah tidak begitu menumpahkan minatnya kerana mereka lebih mementingkan untuk mencari tempat-tempat yang lebih terjamin nasib mereka.

Dalam ghairah Kementerian membentuk kelas pra-sekolah ini, ia juga ada masalah yang dihadapi oleh pertembungan antara kelas-kelas KEMAS iaitu kelas-kelas Keraajaan Masyarakat di seluruh negara. Saya ingin diberi penjelasan oleh pihak Kementerian Pendidikan, apakah caranya penyelarasan dan dasar-dasar yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dengan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu menerusi Jabatan Kemajuan Masyarakat dalam perabentukan kelas-kelas pra-sekolah di seluruh negara?.

Saya akan menyentuh hanyalah di bidang pendidikan. Di bidang pendidikan pra-sekolah di Kelantan hari ini, saya melihat bukan hanya pra-sekolah daripada Kementerian Pendidikan tetapi saya melihat pertumbuhan kelas-kelas pra-sekolah khususnya di negeri Kelantan tumbuh bagai cendawan. Di seluruh negeri Kelantan hari ini, kita dapat lihat pra-sekolah ditubuhkan oleh swasta dengan begitu sewenang-wenangnya dan berbagai-bagai nama; ada PERKIM, ada PASKI, ada TASKI, ada Arqam, ada berbagai-bagai nama dan saya hendak menyatakan di sini, saya tidak tahu bagaimanakah cara pengawalan dibuat di dalam membentuk ataupun mehubuhkan pra-sekolah sehingga ada badan politik pun boleh menubuhkan pra-sekolah mereka sendiri.

Yang membimbangkan saya, apabila 'pertumbuhan sekolah-sekolah ataupun pra-sekolah swasta ini dengan begitu berleluasa tanpa mendapat pengawalan yang rapi daripada pihak Kerajaan yang membimbangkan ialah kurikulum ataupun sukatan pelajaran dalam'segi proses pembelajaran anak-anak ini kerana ada di antara mereka

menggunakan kurikulum mereka sendiri yang kalau itu dibentuk oleh badan politik di negeri Kelantan, maka ia mengikut selera politik tersebut dan ini boleh menjejaskan dan boleh meracuni fikiran anak-anak kecil yang asasnya akan pergi ke sekolah formal yang telah dibentuk oleh Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini iaitu rasa kesal saya sebagai rakyat Kelantan, sebagai Ahli Dewan Negara daripada negeri Kelantan, Apa yang telah berlaku satu peristiwa kepada sebuah sekolah di Sekolah Kebangsaan Meranti, Pasir Mas yang ada murid keciciran dalam menduduki peperiksaan kelas UPSR baru-baru ini dan kalau ini setelah dibuahkan kajian oleh pihak Kementerian Pendidikan menerusi Jabatan Pendidikan negeri Kelantan, kalau inilah benar berlaku, maka saya amatlah kesal kerana ia bercanggah dengan dasar dan falsafah Pendidikan Negara dan kerana ini kalau tidak diambil satu tindakan positif sekiranya perkara ini berlaku, maka ia boleh berlaku di sekolah-sekolah yang lain. Apabila ghairah di antara sekolah-sekolah berlumba-lumba untuk mendapatkan prestasi kedudukan sekolah, untuk mendapar terapat yang tinggi dan anak-anak ini akan menjadi anak-anak yang terbiar dari sudut menduduki peperiksaan ini.

Saya memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mengambil perhatian kepada perkara yang berlaku. Ini bukanlah perkara yang kecil tetapi ini adalah perkara yang serius dan perlunya mendapat suatu laporan yang lengkap daripada Jabatan

Pendidikan Negeri Kelantan.

Inilah di antara ucapan saya yang saya ingin menyentuh kerana saya lihat rakan-rakan saya telah menyentuh dengan begitu penuh bersemangat dalam beberapa bidang tetapi saya ingin menyentuh hanya satu bidang iaitu di bidang pendidikan ini sahaja dan di akhirnya, saya menyokong penuh terhadap kelulusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No. 2). Teriroa kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Munisamy.

5.54 ptg.

Tuan Munisamy a/1 Kuppam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk merabahkan Rang Uhdang-undang, menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tainbahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992.

Bagi Maksud B.51 untuk tujuan Kementerian Luar Negeri diperuntukkan sebanyak \$3.7 juta. Saya menyokong penuh mengenai peruntukan ini memandangkan berkembangnya aktiviti Kementerian di luar negeri. Malaysia mahu dikenal ramai di peringkat antarabangsa kerana kebijaksanaannya dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan serantau.

Malaysia juga dikenali ramai kerana bermurah hati membimbing rakyatnya dalam menyokong mana-mana negara. Dengan adanya kedutaan yang kukuh dan kakitangan yang mencukupi di luar negeri, segala saluran maklumat dan khidmat yang baik dapat dijalankan.. Malaysia juga telah rnebuka banyak kedutaan dan pejabat Konsular yang baru dan dengan sendirinya akan menggalakkan kegiatan perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan di sini supaya Kedutaan dan Konsular Malaysia di luar negeri mengadakan perjumpaan yang kerap di antara pelajar-pelajar Malaysia, peniaga dan kakitangan Kedutaan. Perjumpaan seumpama ini dapat menyatukan rakyat Malaysia dan dapat menjadi forum untuk menerangkan aktiviti dan hasrat Kerajaan. Dengan adanya suasana raesra dan gambaran yang jelas mengenai keadaan di Malaysia, maka rakyat Malaysia di luar negeri tidak akan menyebarkan berita buruk mengenai negara sendiri dan lebih sayang kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta telah diperuntukkan. Sukan menjadi semakin penting dalam aktiviti kehidupan harian dan bukan sahaja untuk menjaga kesihatan badan. Kegiatan sukan menjadi satu perniagaan yang membawa pendapatan yang lumayan. Dengan perkembangan yang positif tersebut, saya kira peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta adalah wajar diberi.

Malaysia juga telah mencipta nama dalam sukan seperti badminton dan hoki. Kemenangan dalam Piala Thomas menunjukkan hasil positif daripada skim-skim galakan. Saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan berjaya menyakinkan negara-negara Koraanwel bahawa Malaysia raenjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel pada tahun 1998. Dalam perkara itu persembahan oleh peserta-peserta Malaysia di Sukan Olimpik yang sedang berlangsung adalah tidak memuaskan terutama pasukan badminton dan hoki.

Oleh yang demikian, saya berpendapat latihan yang intensif sahaja tidak mencukupi, malahan yang lebih penting ialah, dengan izin, psychological preparedriess. Dari segi mental, peserta Malaysia masih kekurangan dan Ketnenterian harus mengarabil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini; terutamanya memandangkan banyak lagi pertandingan antarabangsa yang akan disertai oleh Malaysia. Ahli-ahli sukan Malaysia juga kekurangan dari segi latihan. Kerap kali latihan hanya diberi untuk tempoh satu atau dua bulan sebelum sesuatu kejohanan. Kita sepatutnya menubuhkan pusat-pusat latihan yang kekal bagi peserta-peserta yang berpotensi bagi semua jenis sukan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memberi lebih tumpuan kepada aktiviti sukan, dan kegiatan bagi belia-belia terutamanya di luar bandar adalah amat berkurangan. Kementerian Belia dan Sukan mesti menyediakan lebih banyak ceramah dan program latihan teknikal bagi belia-belia di semua daerah dan negeri, Pusat latihan seperti Dusun Tua dan Pertak adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian, pihak Kementerian harus menubuhkan lebih banyak pusat latihan bagi belia-belia yang tercicir dalam pelajaran supaya dapat membekalkan diri dengan kemahiran untuk mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan di bawah B.22 untuk membangunkan industri pelancongan di negara ini, Saya ingin menarik perhatian terhadap beberapa kawasan di negeri Perak yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan negara dan nilai-nilai sejarah

serta mempunyai pemandangan alam yang indah dan menarik minat dan perhatian para pelancong ke negara ini. Contohnya di Kuala Kangsar, Taiping, Port Weld, Pasir Salak dan Kellie's Castle di Batu Gajah. Kawasan-kawasan ini perlu diberi peruntukan untuk pembangunan sebagai salah sebuah pusat tarikan pelancong di negara ini. Kawasan sepanjang Lebuhraya Changkat-Jering mempunyai pemandangan semulajadi yang amat indah seperti air terjun dan hutan yang menghijau. Pusat-pusat rekreasi dan kemudahan juga perlu disediakan untuk para pelancong serta pengguna lebuhraya untuk berehat dan menikmati keindahan alam semulajadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tindakan untuk membangunkan industri pelancongan di negara ini, lebih banyak kemudahan penginapan perlu disediakan terutamanya di kawasan-kawasan pusat pelancongan yang baru didirikan. Kemudahan penginapan ini harus dikekalkan kepada semua golongan pelancong. Oleh sebab itu, hotel-hotel yang dibina harus menyediakan kadar sewa yang berpatutan supaya semua golongan pelancong mampu menyewanya.

Pusat-pusat dan gerai-gerai yang menjual atau mempamerkan kraftangan dan seni kebudayaan negara perlu didirikan di setiap pusat pelancongan supaya dapat mempromosi kebudayaan dan kesenian kita kepada pelancong asing. Pemandu pelancong juga harus dilatih dari segi kefasihan berbagai bahasa, kebudayaan dan kesenian supaya dapat membantu para pelancong luar negeri mahupun pemandu harus dididikkan tentang sejarah negara kita.

Kementerian Kesihatan juga harus mengambil tindakan dan melawat hotel-hotel yang banyak dikunjungi oleh para pelancong untuk memastikan pihak pemilik hotel-hotel ini mengamalkan perkhidmatan

yang bersih dan layanan yang mesra.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan B,26 Pembangunan Sumber Tenaga Manusia, adalah kunci ke arah pembangunan dan modenisasi negara. Salah satu strategi terpenting untuk pembangunan sumber tenaga manusia adalah melalui pendidikan formal. Ini termasuklah pendidikan di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah, menengah, maktab dan universiti. Pendidikan formal dapat menyediakan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi.

Bidang sains dan teknologi amat perlu ditekankan dalam sistem pendidikan negara supaya dapat mencapai cita-cita negara kita ke arah Wawasan 2020. Peranan dan penglibatan wanita dan belia perlu juga ditekankan lagi dalam bidang pembangunan negara. Ini dapat dilakukan melalui pendidikan formal. Program-program khas atau projek pendidikan dan latihan hendaklah diamalkan untuk memperlihatkan kemahiran dan bakat seseorang individu, terutamanya pelajar-pelajar yang tercicir dari Tingkatan 3 dari 5 serta Darjah 6. Projek-projek seumpamanya ini akan membantu meresap masuk kaum belia ini dalam bidang perkhidmatan tertentu. Jika tidak, golongan belia yang tercicir dan menganggur ini mungkin akan menimbulkan masalah-masalah sosial seperti merompak, membunuh, melacur ataupun mengedar dadah mahupun menjadi penagih dadah untuk mengatasi masalah kewangan serta masalah peribadi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu kemudahan-kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar, estet-estet dan kampung baru juga haruslah diperbaiki. Perbelanjaan dan peruntukan juga perlu ditingkatkan supaya menambahkan lagi kemudahan asas seperti perumahan dan lain-lain kemudahan terutama bagi guru-guru yang berkhidmat di luar bandar supaya mereka dapat meluangkan masa dan tenaga yang lebih terhadap meninggikan prestasi pendidikan kaum pelajar-pelajar di luar bandar seperti menumpukan sepenuh masa dalam aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan kurikulum di sekolah. Kemudahan asas yang baik berhampiran dengan kawasan sekolah, terutamanya kemudahan perkhidmatan bas awam yang lebih kerap bagi golongan guru-guru yang berulang-alik melebihi 20 kilometer sehari perlu dibaiki supaya mereka dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam tugas-tugas mereka dalam suasana yang lebih selesa. Dengan kemudahan-kemudahan yang diperbaiki ini guru-guru di SRJK (T) dan SRJK (C) dan Kebangsaan di kawasan luar bandar di mana-mana pencapaian prestasi akademik agak kurang memuaskan dapat menumpukan lebih raasa untuk menjalankan kelas-kelas tambahan bagi pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris supaya dapat memperbaiki mutu pelajaran pelajar-pelajar di sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah guru-guru seraentara juga semakin meningkat. Saya mencadang untuk Kerajaan mengadakan lagi Kursus Dalam Cuti bagi tiga tahun berturutan untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah ini. Guru-guru sementara ini ada yang telah bertugas melebihi lapan tahun tidak diberi peluang untuk bekerja

semula ataupun mengikuti latihan perguruan kerana telah melebihi umur tiga puluh tahun, walaupun mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman-pengalaman. Ramai daripada mereka yang terlibat, ini menganggur atau bekerja sebagai buruh selepas gagal diterima untuk mengajar semula. Mereka ini juga mengalami masalah dalam mencari kerja di lain sektor awam ataupun swasta.

Memandang keadaan semasa ini di mana guru-guru, yang telah bersara diberi peluang untuk berkhidmat semula di mana perbelanjaan Kerajaan akan meningkat sebab guru-guru ini telahpun mencapai gaji maksimum dan Kerajaan harus membayar 'mengikut tanggagaji mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan harus memberi pertimbangan terhadap guru-guru sementara yang mempunyai pengalaman dan kelayakan, diberi peluang untuk mengikuti latihan perguruan supaya dapat meneruskan perkhidmatan mereka. Kos ini lebih murah daripada menerima guru-guru yang telah bersara untuk berkhidmat semula.

Saya juga diberitahu bahawa guru-guru sementara yang berkelayakan SPM Pangkat 2 tanpa mempunyai kepujian di dalam Bahasa Tamil dan Matematik diterima untuk bertugas sebagai guru sementara, tetapi apabila mereka memperolehi kelayakan SPM dalam maha pelajaran Bahasa Tamil dan Matematik dari memohon untuk mengikuti latihan perguruan mereka tidak diberi peluang. Saya harap Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap masalah guru-guru sementara ini. Saya ingin juga menarik perhatian Suruhanjaya Perkhidmatan dan Kementerian Pendidikan terhadap masalah guru-guru sementara yang telah diberhentikan perkhidmatan mereka sebab melebihi umur 30 tahun pada tahun lalu. Pada tahun ini mereka yang terlibat ini tidak dilantik semula

untuk mengajar. Pihak yang berkenaan harus mengambil tindakan dan memberi peluang kepada yang terlibat ini untuk bertugas semula.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2). Sekian, terima kasih.

6.15 ptg.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya sama-sama menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu yang baru sebentar dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Senator Haji Mustapa Mohamed di Dewan yang mulia ini yang bertujuan memberi kuasa berkanun supaya pembayaran tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan 1991 dan 1992, tidak melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) iaitu Jadual Pertama (Seksyen 2) berjumlah \$2,003,709,724 dan Jadual Kedua (Seksyen 3) berjumlah \$65,584,300.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri sebanyak \$3,709,724 untuk bayaran tertentu seperti elaun lojing, bayaran perubatan, elaun makan, kos tambang dan lawatan serta juga sewa pejabat". Selain daripada itu, saya ingin mendapat penjelasan adakah Pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar mencukupi di luar negeri? Dalara program, apakah dapat pelajar-pelajar kita berinceraksi dengan duta dan pegawai-pegawai dari kedutaan dan majlis apakah yang

dirancang dalam tiap-tiap tahun? Adakah kes pelajar yang hilang baru-baru ini telah ditutup atau masih dalam siasatan? .

Tuan Yang di-Pertua, tengahari tadi semasa soal jawab mulut, soalan nombor satu iaitu soalan saya telah membangkitkan mengenai dengan pelajar-pelajar wanita di London yang telah berkahwin dengan orang-orang yang bukan beragama Islam. Tetapi jawabnya agak menghairankan sebab telah dijelaskan tidak ada satu kes pun berlaku dan saya hairan kenapakah begitu heboh di Malaysia yang melibatkan ibu bapa begitu susah hati mendengar berita-berita tersebut dan ada pihak-pihak yang bertanggungjawab yang sedia memberi laporan dan sebagainya,

Jadi sebab itulah, saya rasa kami Senator pun apabila kita hendak soal satu-satu soalan itu, oleh kerana ianya bukan hanya melibat diri kita sebagai seorang ibu ataupun rakan kita, bahkan masyarakat sebab mereka inilah kepada kita betulkah. Jadi saya kata kalau kita dengar daripada sumber-sumber lain mungkin tidak betul, jadi kalau kita dengan sumber daripada Parlimenlah yang tepat. Tetapi entahlah, bagaimana? Jadi saya kurang puashati di atas-penjelasan yang telah dibagi tadilah.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri iaitu \$7,854,200 untuk Hari Kebangsaan dan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan mengenai lawatan ke luar negeri. Adakah ianya dirancang dalam tiap-tiap tahun, berapa kunjungankah dibuat atau bila ada pelawaan sahaja baru dibuat. Selalunya berapa ramaikah Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibatsama dalam lawatan-lawatan rombongan tersebut sebagai pengiring.

B.26, Kementerian Pendidikan, sebanyak \$53,495,800 bayaran mengenai dengan Program Pra-Sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari kelas-kelas pra sekolah yang dianjurkan oleh Kerajaan, banyak kelas-kelas pra sekolah swasta dan persendirian yang telah diwujudkan. Kalau pra-sekolah anjuran Kerajaan kurikulumnya sudah tentu mempunyai garis panduan-garis panduan ke arah mewujudkan insan yang kamil, bersesuaian dengan Dasar Pendidikan Negara. Kalau kelas-kelas pra-sekolah yang lain, siapakah yang akan menentukaa supaya kurikulum mereka juga seimbang dengan hasrat Kerajaan. Adakah pihak Kementerian Pendidikan mempunyai hubungkait dengan kelas-kelas pra sekolah yang lain? Adakah apa-apa seliaan diadakan dan siapakah yang memberi surat-surat kebenaran dan kuasa untuk menubuhkan keLas-kelas pra sekolah di seluruh negara? Saya rasa perkara ini amat penting sekali diberi perhatian kerana pelajaran pra-sekolahlah menjadi asas untuk kanak-kanak kita menempuh bidang pendidikan di sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke pusat-pusat pengajian tinggi dan menentukan masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembayaran Kementerian Pendidikan juga termasuk Program Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris adalah salah satu bahasa yang penting dipelajari kerana ianya menjadi bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa. Saya ingin tahu dari pihak Kementerian Pendidikan, adakah guru-guru bahasa Inggeris mencukupi di seluruh negara pada hari ini? Kalau tiada mencukupi, apakah usaha Kementerian Pendidikan untuk mengatasi perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pendidikan juga mengadakan kursus-kursus dengan teknik-teknik pengajaran bahasa Inggeris kepada guru-guru. Adakah pakar-pakar bahasa Inggeris dari luar negeri diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan? Tempoh hari ada disyorkan untuk menampung kekurangan guru-guru bahasa Inggeris diambil semula guru-guru bersara yang mahir dalam bahasa Inggeris. Adakah perkara ini diambil tindakan?

Pelajaran muzik adalah juga mustahak supaya anak-anak dapat melahirkan bakat dan perasaan kreatif, cinta dan sayangkan keluarga, masyarakat dan negara dengan lagu-lagu yang diajar. Begitu pula lagu-lagu patriotik untuk kasihkan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ada segelintir ibu bapa yang tidak membenarkan anak-anak mereka belajar muzik. Adakah perkara ini benar? Jika benar, murid-murid ini apa aktivitinya semasa rakan-rakan mereka belajar muzik?

Tuan Yang di-Pertua, B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Tahniah saya ucapkan kerana Sukan SUKMA di Johor Bahru baru-baru ini yang telah berjaya. Di antara tujuan mengadakan sukan ialah untuk muhibah di antara berbilang kaum. Tetapi malangnya, satu peristiwa negacif telah berlaku yang melibatkan seorang peserta sukan dipukul oleh seorang anak Raja. Mungkin ahli-ahli sukan kita kurang faham akan tujuan sukan diadakan. Oleh itu, penerangan-penerangan harus diadakan latihan-latihan yang mencukupi dan intensif mesti bermula dari sekarang supaya ahli-ahli sukan kita lebih bersedia untuk menyertai Sukan Komanwel nanti dalam tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit pandangan dari saya, sebab saya mendengar ramai daripada rakan-rakan saya telah sentuh banyak perkara. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992). Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Ya, Tuan Sellappan.

6.24ptg.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga mengkaji Rang Undang-undang ini dan setelah mendengar penjelasan yang begitu jelas dan detail daripada Kementerian Kewangan, maka dengan penuh tanggungjawab saya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Tetapi saya juga ingin membuat beberapa sentuhan dari Kementerian Pendidikan yang telah diberikan pertambahan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan guru-guru yang tidak mempunyai latihan perguruan di perantaran bahasa Cina dan Tamil ke sekolah-sekolah SRJK (Cina) dan SRJK (Tamil) sebagai Guru Besar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menimbulkan masalah-masalah seperti berikut. Yang pertama, peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru terlatih dalam bahasa perantaran Tamil dan Cina terjejas kerana peluang kenaikan pangkat bagi mereka adalah terhad. Guru Besar-Guru Besar yang tidak mempunyai kelayakan latihan perguruan dalam perantaran bahasa Cina dan Tamil memang tidak akan menjalankan

proses pembelajaran dan pengajaran dengan berkesan. Kebanyakan mereka lemah dalam menguasai mutu bahasa Cina dan Tamil. Walaupun mereka mempunyai kelulusan akademik peringkat SPM dan STPM, ini bukan bererti bahawa mereka telah menguasai keseluruhan bahasa Cina dan Tamil serta dapat memelihara kebudayaan dan tradisi bahasa Tamil dan Cina. Malahan kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan asas berhubung dengan sekolah-sekolah Cina dan, Tamil. Oleh itu, saya berpendapat murid-murid akan mengalami kemerosotan dalam peperiksaan. Perkara ini telah berlaku pada masa lalu dan masalah ini telah diselesaikan dengan saksama melalui perundingan. Tetapi ini masih berlarutan dan terdapat banyak kritik dan teguran dari kesatuan-kesatuan dan orang ramai.

Tuan-Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa amalan Kementerian Pendidikan memanglah tidak wajar apabila terdapat ramai guru yang berkelayakan di sekolah-sekolah Tamil dan Cina untuk kenaikan pangkat sebagai Guru Besar. Ini akan menjejaskan kebajikan dan peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru sekolah-sekolah Tamil dan Cina di seluruh tanahair kita. Oleh yang demikian, saya merayu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil perhatian berat untuk menyelesaikan masalah ini dengan adil dan saksama untuk memelihara mutu, taraf dan kebudayaan sekolah-sekolah Tamil dan Cina pada masa depan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghantar surat pekeliling mengenai pengambilan matapelajaran Peperiksaan SPM 1993/1994. Matapelajaran Kesusasteraan Cina dan Tamil disenaraikan sebagai matapelajaran

Peperiksaan SPM sehingga 1992. Sehingga ini kedua-dua matapelajaran tersebut telah dicatat dalam Sijil SPM sekiranya lulus. Ini telah membolehkan mereka mencapai keputusan baik dan mendapat peluang mengambil bahasa Tamil dalam Peperiksaan STPM, menuntut di institut pengajian tinggi seperti maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan. Tetapi pada tahun 1993/1994 calon-calon boleh mengambil matapelajaran Kesusasteraan bahasa Cina dan Tamil pada peringkat STAP sahaja. Oleh itu, status matapelajaran-matapelajaran tersebut sebagai matapelajaran SPM digugurkan. Untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris setanding dengan bahasa Melayu, matapelajaran Kesusasteraan Inggeris diberi status sebagai matapelajaran Peperiksaan SPM. Mengapa perbezaan ini berlaku? Masyarakat khuatir bahawa tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia ini akan menjejaskan mutu dan taraf bahasa Cina dan Tamil kerana kesusasteraan merupakan jiwa dan nadi yang mencerminkan sesuatu bahasa. Oleh itu, saya merayu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengekalkan tradisi memberi status sebagai matapelajaran SPM bagi kedua-dua matapelajaran ini semata-mata untuk mengekalkan kebudayaan bahasa Cina dan Tamil di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Sellappan, panjang lagikah ucapan?

Tuan V.K. Sellappan: Lebih kurang lagi 5 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, kalau macam itu Tuan Sellappan boleh sambung esok.

Tuan V.K. Sellappan: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

